

**Kertas Kajian :**  
**TAHAP DAN INDEKS KEBERKESANAN PROGRAM  
MIKROKREDIT TERHADAP PEMBERDAYAAN IBU  
TUNGGAL DI SELANGOR**

**Penyelidik:**

**NURUL WAJHI BINTI AHMAD  
DR NOR HAKIMAH BINTI HJ. MOHD NOR  
NOR FADILAH BINTI BAHARI  
NUZUL AKHTAR BINTI BAHARUDIN  
NORAZLINA BINTI RIPAIN**



## RINGKASAN EKSEKUTIF

### TAHAP DAN INDEKS KEBERKESANAN PROGRAM MIKROKREDIT TERHADAP PEMBERDAYAAN IBU TUNGGAL DI SELANGOR

Program mikrokredit dilihat telah banyak menyumbang kepada pembangunan ekonomi masyarakat setempat. Kebanyakan negara membangun dan sedang membangun seperti India, Ghana dan Nigeria mengoptimumkan program mikrokredit ini sebagai salah satu alat dan usaha pihak kerajaan untuk mengurangkan jurang kemiskinan. Apa yang menarik, program mikrokredit ini lebih banyak disertai oleh kaum wanita berbanding lelaki.

Di Malaysia, program mikrokredit telah mula diperkenalkan seawal tahun 1987 dengan tujuan untuk menyalurkan suntikan modal perniagaan berskala kecil kepada golongan yang memerlukan. Sehingga kini, ia telah menunjukkan keberkesanan dalam pelaksanaan program. Manakala di Selangor, pihak kerajaan negeri telah memperkenalkan skim mikrokredit Hijrah Selangor pada tahun 2010 di bawah Inisiatif Peduli Rakyat 9 (IPR 9) yang di antara tujuan utama skim ini adalah untuk meningkatkan dan memperkasakan golongan pertengahan di negeri ini. Hampir 70% penerima skim mikrokredit Hirah Selangor merupakan golongan wanita dan ibu tunggal. Justeru, kajian ini adalah untuk melihat dan mengkaji sejauhmana pemberdayaan ibu tunggal yang menyertai skim mikrokredit ini menyumbang kepada keberkesanan program yang disediakan oleh pihak kerajaan negeri Selangor.

Objektif kajian ini adalah (i) mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penyertaan ibu tunggal dalam program mikrokredit Hijrah Selangor, (ii) menganalisa pemberdayaan ibu tunggal berdasarkan indikator pemberdayaan; ekonomi, sosial dan psikologi ekoran penyertaan dalam program mikrokredit Hijrah Selangor, (iii) Mengukur tahap keberkesanan program terhadap ibu tunggal yang menyertai program mikrokredit Hijrah Selangor, (iv) Mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan program mikrokredit Hijrah Selangor ke arah pemberdayaan ibu tunggal yang lebih mampan.

Secara umumnya kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan bantuan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS 23). Analisis data dilakukan melalui dua (2) kaedah iaitu analisis deskriptif dan analisis statistik. Analisis dokumen, soal selidik dan temubual telah digunakan bagi menghasilkan dapatan kajian. Soal selidik melalui pautan Google Form dihantar kepada responden ibu tunggal menggunakan aplikasi Whatsapp dan emel setelah mendapat persetujuan dan kerjasama. Walaubagaimanapun terdapat responden yang enggan memberi kerjasama dalam memberi maklumat. Kesemua responden menjalankan aktiviti perniagaan berskala kecil dan sederhana di sekitar Zon 1, Zon 2 dan Zon 3 di Selangor. Maklumat yang dikumpul menjurus kepada tiga (3) indikator pemberdayaan yang diukur di dalam kajian ini iaitu, dimensi ekonomi (E), sosial (S) dan psikologi (P) yang menyumbang kepada keberkesanan program mikrokredit.

Terdapat tiga (3) model empirikal yang digunakan dalam kajian ini. Didapati indikator sosial dan psikologi sangat menyumbang kepada keberkesanan program di dalam kajian ini. Hasil kajian juga mendapati bahawa indeks IESP mempunyai hubungan yang positif terhadap keberkesanan program.

ia juga menyatakan bahawa tahap keberkesanan program mikrokredit adalah tinggi apabila tahap dan indeks yang diukur melalui tiga (3) dimensi pemberdayaan ibu tunggal iaitu ESP berada pada tahap yang tinggi. Di samping itu, faktor pengurusan Hijrah Selangor turut memainkan peranan penting dan menyumbang secara positif terhadap tahap keberkesanan program mikrokredit.

Beberapa cadangan penambahbaik berterusan diutarakan sebagai implikasi dasar untuk meningkatkan pemberdayaan dan keberkesanan skim mikrokredit Hijrah Selangor.

- i. Kemaskini Rekod Peserta.
- ii. Siri Latihan dan Kemahiran Komprehensif.
- iii. Menilai dan Memperkasakan Proses Pemberian Pinjaman.
- iv. Pengurusan Kewangan Peserta.
- v. Sistem Bayaran Balik yang Sistematik dan Terkini.
- vi. Meluaskan Jenis Produk dan Perkhidmatan.
- vii. Kempen Kesedaran Secara Berterusan.

## **ABSTRACT**

Microfinance programmes are currently promoted as one of an effective tool for poverty alleviation in many developed and developing countries. Microcredit scheme is not only providing an initial capital for small scale businesses start-up, but also able to enhance the women capacity that will ultimately lead to the women empowerment. Thus, the purpose of this research is to investigate and analyse the level and effectiveness of the microcredit scheme as provided by state government of Selangor towards the single mother empowerment using primary data. The effectiveness of the microcredit programmes will be measured by several basic indicators for women empowerment which are economy, social and psychology. This research will utilize quantitative method; purposive sampling in which 297 single mothers who participates in microcredit scheme Hijrah Selangor being selected. All single mothers are currently run various types of small scale businesses scattered around Zone 1, Zone 2 and Zone 3, in Selangor. As to analyse the data, this research is using Statistical Package for Social Sciences (SPSS 23), linear regression in investigating the effectiveness of the microcredit scheme towards single mother empowerment in Selangor. The result reveals that, the management of Hijrah Selangor and two empowerment indicators, which are social and psychology has a positive relationship and significant with the effectiveness of the microcredit scheme Hijrah. Several continuous improvement has been suggested such as setting up a comprehensive workshop and training to the single mothers, enhance life- long learning knowledge and should regularly monitor the allocated loans will definitely contributes to the empowerment. This research will also assist the policy makers to adopt appropriate policies in any development projects with women.

**Keywords:** Microcredit, Microfinance, Economy, Social, Psychology, Women Empowerment.

## ABSTRAK

Di kebanyakan negara membangun dan sedang membangun, skim mikrokredit merupakan salah satu instrumen yang efektif, berperanan membasmikan dan mengurangkan jurang kemiskinan. Mikrokredit bukan sahaja menyediakan suntikan modal bagi memulakan perniagaan berskala kecil kepada golongan yang memerlukan, malah turut membantu dalam meningkatkan kapasiti dan seterusnya menyumbang kepada proses pemberdayaan golongan wanita. Maka, kajian ini akan meneliti serta menganalisa tahap dan keberkesanan skim mikrokredit Hijrah yang disediakan oleh kerajaan negeri Selangor terhadap pemberdayaan ibu tunggal yang menyertai skim ini dengan menggunakan data primer. Keberkesanan program diukur dengan menggunakan indikator asas pemberdayaan seperti, ekonomi, sosial dan psikologi. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif, pensampelan bertujuan di mana sebanyak 297 ibu tunggal yang berdaftar sebagai peserta skim mikrokredit Hijrah Selangor dipilih sebagai sampel untuk melengkapkan kajian. Semua ibu tunggal yang terlibat sedang menjalankan pelbagai jenis perniagaan kecil dan sederhana di lokasi yang berbeza di Zon 1, Zon 2 dan Zon 3, Selangor. Kajian ini menggunakan Statistical Package for Social Sciences (SPSS 23), kaedah regresi linear dalam mengkaji keberkesanan program mikrokredit terhadap pemberdayaan ibu tunggal di Selangor. Hasil kajian menunjukkan indikator pemberdayaan iaitu sosiologi dan psikologi serta faktor pengurusan berhubungan secara positif dengan keberkesanan program mikrokredit Hijrah. Beberapa cadangan penambahan-baikan perlu dilaksanakan terhadap skim yang ditawarkan seperti menyediakan latihan komprehensif kepada peserta, peningkatan ilmu pembelajaran sepanjang hayat dan pemantauan berkala terhadap penggunaan pinjaman yang lebih mantap akan membantu ke arah meningkatkan pemberdayaan ibu tunggal. Dapatkan kajian juga dapat membantu dalam pembentukan polisi berkaitan dengan pembangunan dan pemberdayaan wanita.

**Kata kunci:** Mikrokredit, Pembiayaan Mikro, Ekonomi, Sosial, Psikologi, Pemberdayaan Wanita.

## **ISI KANDUNGAN**

<b>SENARAI RAJAH.....</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL.....</b>	ix
<b>BAB 1 .....</b>	1
<b>PENDAHULUAN .....</b>	1
1.0 PENGENALAN .....	1
1.1 PERNYATAAN MASALAH.....	5
1.2 OBJEKTIF KAJIAN .....	7
1.3 PERSOALAN KAJIAN.....	7
1.4 KEPENTINGAN KAJIAN.....	8
1.5 SKOP KAJIAN .....	8
<b>BAB 2 .....</b>	10
<b>TINJAUAN LITERATUR.....</b>	10
2.0 PENGENALAN .....	10
2.1 HUBUNGAN DI ANTARA MIKROKREDIT DAN PEMBERDAYAAN WANITA.....	11
2.2 EKONOMI .....	12
2.3 SOSIAL.....	14
2.4 PSIKOLOGI .....	15
<b>BAB 3 .....</b>	17
<b>METODOLOGI KAJIAN.....</b>	17
3.0 PENGENALAN .....	17
3.1 REKA BENTUK KAJIAN .....	17
3.2 KERANGKA KONSEPTUAL .....	19
3.3 POPULASI DAN SAMPEL .....	20
3.4 INSTRUMEN KAJIAN .....	22
3.5 KAJIAN RINTIS.....	24
3.6 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA .....	24
3.7 TEKNIK ANALISIS DATA.....	25
3.8 MODEL EMPIRIKAL .....	25
3.9 RUMUSAN.....	26

<b>BAB 4 .....</b>	<b>27</b>
<b>ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN .....</b>	<b>27</b>
4.0 PENGENALAN .....	27
4.1 ANALISIS DESKRIPTIF .....	27
4.1.1 DEMOGRAFI RESPONDEN .....	27
4.1.2 FAKTOR-FAKTOR PENYERTAAN PROGRAM SKIM MIKROKREDIT HIJRAH SELANGOR .....	30
4.2 ANALISIS INDIKATOR PEMBERDAYAAN .....	31
4.2.1 Ekonomi .....	32
4.2.2 Sosial .....	33
4.2.3 Psikologi .....	34
4.3 PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN .....	36
4.4 KEBERKESANAN PROGRAM .....	37
4.5 ANALISIS EMPIRIKAL .....	40
4.5 RUMUSAN .....	41
<b>BAB 5 .....</b>	<b>42</b>
<b>RUMUSAN DAN CADANGAN.....</b>	<b>42</b>
5.0 PENGENALAN .....	42
5.1 KESIMPULAN KAJIAN.....	42
5.2 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN .....	45
5.3 CADANGAN UNTUK KAJIAN MASA HADAPAN .....	47
5.4 PENUTUP .....	47
<b>RUJUKAN .....</b>	<b>48</b>

## **SENARAI RAJAH**

Rajah 3.1: Carta Alir Kajian .....	18
Rajah 3.2: Kerangka Kajian.....	19
Rajah 3.3: Proses Penentuan Saiz Sampel.....	21
Rajah 4.1.1(a): Umur.....	27
Rajah 4.1.1(b): Kategori Responden .....	28
Rajah 4.1.1(c): Bilangan Tanggungan Isi Rumah.....	28
Rajah 4.1.1(d): Kategori Perniagaan .....	28
Rajah 4.1.1(e): Tempoh Penyertaan .....	28
Rajah 4.1.1(f): Julat Pendapatan.....	29
Rajah 4.1.1(g): Lokasi Perniagaan Responden.....	.30
<b>Rajah 4.1.2: Faktor Penyertaan Skim Mikrokredit Hijrah Selangor .....</b>	<b>.30</b>

## **SENARAI JADUAL**

Jadual 1.1: Jenis- jenis Skim Mikrokredit Hijrah Selangor.....	6
Jadual 1.5: Perincian Zon Berdasarkan Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN)	9
Jadual 3.4.1: Skala Likert .....	23
Jadual 3.4.2: Tahap Skor Min.....	23
Jadual 3.4.3 : Keputusan Ujian Rintis.....	24
Jadual 4.2.1 : Analisis Indikator; Ekonomi .....	32
Jadual 4.2.2: Analisis Indikator; Sosial .....	33
Jadual 4.2.3: Analisis Indikator; Psikologi .....	35
Jadual 4.3: Analisis Tahap Pengurusan dan Pemantauan Hijrah Selangor .....	37
Jadual 4.4: Analisis Tahap Keberkesanan Program Mikrokredit Hijrah Selangor....	39
<b>Jadual 4.5: Keputusan Regresi Linear.....</b>	<b>40</b>

## 1.0 PENGENALAN

Secara umumnya, istilah mikrokredit dan pembiayaan mikro telah digunakan secara meluas oleh kebanyakan penyelidik tanpa sebarang perbezaan. Namun hakikatnya, mikrokredit (microcredit) adalah sebahagian daripada pembiayaan mikro (micro financing). Secara dasarnya, skim mikrokredit digunakan bagi menerangkan pelbagai isu berkaitan pembasmian kemiskinan dan bantuan kewangan kepada para peniaga kecil. Mikrokredit merujuk kepada proses pemberian pinjaman dalam jumlah yang kecil kepada golongan miskin untuk membolehkan mereka mencebur入 bidang perniagaan. Manakala pembiayaan mikro, didefinisikan sebagai peruntukan dalam pelbagai bentuk perkhidmatan kewangan seperti deposit, pinjaman, perkhidmatan pembayaran, pindahan wang dan perlindungan insuran untuk golongan miskin dan berpendapatan rendah (Asian Development Bank, 2000). Pembiayaan mikro adalah perkhidmatan kewangan kepada pelanggan yang miskin dan berpendapatan rendah tetapi ia tidak terhad kepada kredit, simpanan, pemindahan wang dan produk insurans semata-mata.

Mikrokredit pula adalah penawaran perkhidmatan pinjaman yang sangat kecil (pinjaman mikro) kepada golongan miskin sebagai kemudahan untuk memulakan perniagaan berskala kecil. Golongan ini tidak mempunyai sebarang asset sebagai cagaran, pekerjaan yang stabil dan rekod kredit yang sah, di mana mereka tidak mampu memenuhi kelayakan paling minimum untuk mendapatkan akses kepada institusi perbankan. Mikrokredit adalah sebahagian daripada pembiayaan mikro di mana ia berfungsi untuk menyediakan perkhidmatan kewangan kepada golongan miskin. Ia juga merupakan pinjaman dengan tempoh bayaran balik dalam waktu yang singkat. Di Malaysia, mikrokredit membawa maksud yang sama dengan takrifan pembiayaan mikro kerana produk pembiayaan mikro di Malaysia pada masa ini hanya merangkumi pinjaman mikro sahaja di mana ia tidak merangkumi produk pembiayaan mikro yang lain contohnya mikro insurans dan lain-lain. Kemudahan mikrokredit memberi peruntukan atau suntikan kewangan kepada golongan kurang berkemampuan di bandar atau luar bandar bagi memberi alternatif terbaik untuk meningkatkan pendapatan dan mengubah taraf kehidupan. Ia juga merujuk kepada perkhidmatan kewangan khusus berasaskan kumpulan yang mensasarkan kepada golongan miskin dan terpinggir yang tidak layak untuk mendapatkan pinjaman dari bank- bank komersial.

Di kebanyakan negara membangun, program mikrokredit merupakan salah satu strategi yang penting dalam usaha pembangunan ekonomi sesebuah negara sejak beberapa tahun dahulu. Kerajaan yang bertanggungjawab telah berusaha membentuk dan melaksanakan pelbagai polisi ekonomi dan kewangan khususnya untuk meningkatkan potensi mikroredit. Ini adalah kerana, pembiayaan mikrokredit dilihat sangat menyumbang kepada pemberdayaan wanita sekaligus mampu membasi serta mengurangkan kadar kemiskinan. Wanita pula adalah golongan yang sudah semestinya mempunyai peranan dan sumbangan yang tidak kurang pentingnya dalam pembangunan institusi keluarga. Pemberdayaan wanita bukan sahaja untuk manfaat keluarga, malahan juga untuk ekonomi dan sosial bagi sesebuah negara.

Di beberapa buah negara seperti India dan Ghana, program mikrokredit ini telah terbukti memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk sumber kewangan kepada wanita yang kurang berkelebihan. Walaupun kesan pelaksanaan keseluruhan program ini memerlukan masa dan pelaburan jangka panjang, program mikrokredit dilihat menyumbang kepada pembentukan sistem sosial dan penghasilan ekonomi yang lebih mampan. Sekitar 70 peratus daripada penduduk dunia terdiri daripada wanita yang miskin, manakala 65 peratus mewakili wanita Ghana yang hidup dalam serba kekurangan. Golongan wanita ini tidak mempunyai akses kepada produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi perbankan konvensional. Lelaki dianggap sepenuhnya sebagai ketua keluarga dan berhak dalam pembuatan keputusan, sedangkan golongan wanita mempunyai hak yang terhad dalam hal ini.(Bismark, 2017).

Pemberdayaan wanita juga merupakan satu cabaran global, justeru itu pelbagai program pemberdayaan wanita dan polisi telah dilaksanakan secara agresif untuk meningkatkan mikrokredit dalam usaha untuk membasmi serta menangani isu wanita dan kemiskinan.

### **Penubuhan Bank Grameen**

Rentetan daripada itu, The Grameen Model telah diperkenal oleh Profesor Muhammad Yunus, yang merupakan seorang usahawan hebat kelahiran Bangladesh. Beliau juga merupakan bekas pensyarah dan juga kelulusan Doktor Falsafah dalam jurusan ekonomi dari Universiti Vanderbilt. Pemikirannya yang agak luar biasa telah meledakkan satu fenomena baru dalam dunia ekonomi di peringkat antarabangsa. Beliau telah meninggalkan kerjayanya sebagai pensyarah semata-mata untuk mengasaskan bank bagi membantu golongan miskin.

Idea penubuhan Grameen Bank tercetus usai lawatan beliau ke sebuah perkampungan miskin di Bangladesh bersama para pelajarnya. Semasa lawatan, beliau bertindak membantu wanita tersebut dengan memberi sejumlah wang sebagai pinjaman kepada wanita tersebut untuk meneruskan kehidupan dan perniagaan kraftangan yang diusahakannya. Amat mengejutkan apabila pinjaman tersebut bukan sahaja membantu wanita tersebut untuk lebih berdaya maju dalam perniagaan, malah keadaan ini telah merangsang inisiatif dan kesediaan individu untuk keluar dari kepompong kemiskinan. Sehubungan itu, dua tahun selepas lawatan tersebut, beliau telah berjaya menujuhkan Grameen Bank pada 1976.

Selari dengan maksud Grameen iaitu ‘kampung’ atau ‘luar bandar’, objektif penubuhan Grameen Bank adalah untuk membebaskan warga luar bandar Bangladesh daripada kemelut kemiskinan dan kebuluran. Bank ini memperkenalkan sistem mikrokredit di mana pelanggan boleh membuat pinjaman pada jumlah yang kecil tanpa memerlukan penjamin. Grameen Bank adalah satu-satunya bank luar biasa dengan meminjamkan AS\$10 billion kepada golongan miskin tanpa sebarang cagaran tetapi masih mampu membuat bayaran balik pada kadar 98 peratus. Selain itu, dalam masa yang sama beliau turut memperkenalkan konsep perniagaan sosial, iaitu satu perniagaan yang berorientasikan bantuan, dan bukannya keuntungan. Dengan pelaksanaan idea ini, beliau telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Nobel Keamanan pada tahun 2006. Pendekatan pinjaman tanpa riba dan gadaian ini bukan sahaja mampu menyelesaikan isu kemiskinan di Bangladesh malah ia turut memberi impak positif dalam usaha pembangunan sosial dan ekonomi merentasi sempadan dunia.

Meskipun bertentangan dengan pendekatan bank konvensional yang lebih mementingkan keuntungan, Profesor Muhammad Yunus tetap tekad dengan pendiriannya untuk mengubah sosioekonomi berasaskan konsep perniagaan sosial. Grameen Bank merupakan sebuah pertubuhan mikrokredit dan bank pembangunan komuniti yang di antara tujuan penubuhannya adalah untuk menyediakan kemudahan perbankan kepada golongan miskin, menghapuskan eksploitasi terhadap golongan miskin oleh peminjam wang dan mengumpulkan golongan miskin di bawah satu organisasi agar mereka sama-sama belajar untuk menguruskan kehidupan dengan baik. Institusi ini telah menggariskan sepuluh petunjuk yang asas yang perlu dipenuhi oleh sesebuah isi rumah untuk keluar dari kepompong kemiskinan. Sepuluh (10) petunjuk asas Grameen Bank untuk menilai tahap kemiskinan para peminjam kemudahan mikrokredit adalah seperti yang berikut:

1. Setiap ahli keluarga mesti menginap di rumah yang mempunyai bumbung dan seluruh isi rumah mampu tidur di atas katil.
2. Seluruh isi rumah mempunyai bekalan air minuman yang bersih, air yang dimasak atau air yang ditapis.
3. Semua kanak-kanak berumur enam (6) tahun ke atas dalam sesebuah isi rumah mendapat pen didikan asas atau tamat sekolah rendah.
4. Penggunaan sanitari dalam kalangan ahli keluarga.
5. Pembayaran balik ansuran bulanan Tk 200 atau lebih.
6. Ahli keluarga mempunyai pakaian, selimut, tudung dan pakaian sejuk yang mencukupi.
7. Peminjam mampu mengekalkan kadar simpanan tahunan sebanyak Tk. 5,000 di dalam akaun simpanan masing-masing.
8. Keluarga mempunyai sumber pendapatan tambahan untuk menambah pendapatan sedia ada sekiranya memerlukan wang yang lebih.
9. Tidak mempunyai masalah untuk mendapatkan bekalan makanan sebanyak tiga kali sehari sepanjang tahun dan tiada ahli keluarga yang kelaparan.
10. Mampu menitikberatkan soal kesihatan dan menyediakan perbelanjaan yang mencukupi bagi sebarang permasalahan kesihatan.

Ini bermaksud, sekiranya peminjam mampu menyediakan keperluan dan memenuhi semua petunjuk asas di atas, bererti sesebuah isi rumah itu telah berjaya keluar dari kepompong kemiskinan. Mikrokredit telah menjadi elemen utama bagi setiap pembangunan dan usaha terhadap pembasmian kemiskinan di kebanyakan negara membangun dan sedang membangun.

## Mikrokredit di Malaysia

Dengan berpandukan kepada indikator dan keberkesanan The Grameen Model, projek rintis pembiayaan melalui sistem mikrokredit di Malaysia telah bermula seawal tahun 1987. Sejak diperkenalkan, program ini telah menyaksikan pertumbuhan dan menunjukkan keberkesanan dalam menyelesaikan masalah kemiskinan seterusnya mampu mengubah taraf hidup di bandar atau luar bandar. (Dalilah et al., 2017). Selain dari menyalurkan pinjaman kepada golongan berpendapatan rendah, mikrokredit juga bertujuan untuk menyediakan sumber modal untuk memulakan perniagaan secara kecil-kecilan tanpa memerlukan sebarang gadaian. Sehingga tahun 2012, lebih 250 institusi terlibat dalam penyediaan kemudahan mikrokredit di seluruh pelusuk dunia termasuk Malaysia.

Beberapa skim pembiayaan mikro telah dilaksanakan termasuk Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), yang merupakan institusi pertama yang menawarkan kemudahan mikrokredit adalah telah ditubuhkan pada tahun 1988. Institusi ini berfungsi untuk memberi pinjaman khususnya kepada golongan miskin bagi membantu mereka untuk menubuhkan perniagaan kecil (mikro). Setelah itu Yayasan Usaha Maju (YUM) turut ditubuhkan pada tahun yang sama. Manakala, Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) telah ditubuhkan pada tahun 1998 bagi menawarkan kemudahan mikrokredit. Selain itu penubuhan Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK), Yayasan Usaha Maju (YUM) di Sabah, Yayasan Bina Upaya (YUB) di Perak, Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) di Pulau Pinang, dan Perbadanan Kemanjangan Negeri Kedah (PKNK) juga diwujudkan dengan berorientasikan matlamat yang sama iaitu membasi kemiskinan.

Perniagaan mikro merupakan salah satu aktiviti yang sangat penting dalam pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Oleh itu, bermula dari tahun 2006, kerajaan Malaysia telah mewujudkan kerjasama dengan Bank Negara Malaysia (BNM) bagi menggalakkan lebih banyak institusi kewangan melibatkan diri dalam penawaran mikrokredit. Terkini, terdapat tujuh (7) bank perdagangan dan tiga (3) bank pembangunan yang menyediakan kemudahan mikrokredit untuk golongan yang layak.

Skim mikrokredit dikategorikan sebagai sebagai perbankan tidak formal bagi menyalurkan dana modal kepada golongan yang kurang berkemampuan untuk menjalankan perniagaan serta menjana keuntungan dan seterusnya menaikkan taraf ekonomi keluarga. Mikrokredit juga merujuk kepada program yang menyediakan platform perkhidmatan perniagaan dan kewangan untuk golongan berpendapatan rendah. Kemudahan ini dimaksimakan sepenuhnya untuk menjalankan perniagaan dan menjana pendapatan isi rumah yang lebih baik. Program mikrokredit telah berjaya dilaksanakan di seluruh Asia, Amerika Syarikat, India dan Afrika.

Mikrokredit juga telah menjadi salah satu instrumen terpenting dalam usaha untuk membasi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup sesebuah keluarga. Dengan memberi peluang kepada wanita untuk mengakses pelbagai kemudahan seperti latihan dan modal, program mikrokredit dilihat banyak membantu wanita dalam menjana produktiviti, mengurangkan jurang kemiskinan dan memaksimakan pengeluaran. Kebanyakan program ini sememangnya mensasarkan golongan wanita kerana mereka lebih dikekang kredit, mempunyai akses terhad kepada upah pasaran buruh, mempunyai bahagian kuasa yang sangat kecil dalam pembuatan keputusan isi rumah dan mempunyai rekod kadar pembayaran balik pinjaman yang lebih baik berbanding lelaki. Oleh itu, wanita mempunyai risiko kredit kecil dan lebih cenderung untuk berkongsi faedah pinjaman dengan ahli keluarga yang lain, terutama anak mereka (M. Mafizur Rahman, Rasheda. K & S.Ngiem, 2017).

Pemberdayaan atau pemerkasaan pula didefinisikan sebagai peluang menjana perolehan pendapatan oleh wanita samada melalui penglibatan secara langsung atau tidak langsung. Tujuan utama pemberdayaan adalah untuk mencapai kebersamaan di antara lelaki dan wanita serta membangkitkan kesedaran potensi diri, penglibatan di dalam pembuatan keputusan isi rumah dan polisi. Aspek pemberdayaan ini meliputi isi rumah, komuniti, pasaran dan autonomi pembuatan keputusan. Haque (2008) dalam dapatan kajiannya telah menyatakan bahawa, golongan berpendapatan rendah yang mempunyai kadar pendapatan dan harta tertentu, mampu memanfaatkan program mikrokredit dengan baik. Mereka telah berjaya meningkatkan ekonomi serta taraf kehidupan hasil daripada pelaksanaan skim mikrokredit yang sistematis dan berkesan.

## 1.1

### PERNYATAAN MASALAH

Wanita di seluruh dunia dilihat mempunyai banyak kekurangan dari sudut sosial dan ekonomi termasuk taraf pendidikan dan pendapatan yang rendah. Tambahan lagi, golongan wanita merangkumi separuh dari populasi dalam sesebuah negara, namun kadar pengangguran adalah melebihi golongan lelaki. Berbanding dengan golongan lelaki, wanita juga dilihat mempunyai kurang kawalan ke atas pendapatan sendiri, kurang penglibatan dalam pembuatan keputusan isi rumah serta peluang pekerjaan yang agak terhad. Berdasarkan Gender Statistics Database (World Bank) 2016, kesaksamaan jantina adalah objektif asas bagi pembangunan polisi dan amalan perniagaan yang lebih menyeluruh. Kesaksamaan jantina mampu meningkatkan produktiviti, meningkatkan kemampuan, keupayaan dan keberkesanan sesebuah institusi. Di samping itu, kesaksamaan jantina turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih menyeluruh, pembasmian kemiskinan serta pembangunan yang berdaya saing. Kajian lepas menyatakan bahawa, akses yang baik terhadap kemudahan mikrokredit telah menyumbang kepada pemberdayaan dalam kalangan wanita.

Program mikrokredit juga telah terbukti berjaya mengurangkan kadar kemiskinan di samping memperkasakan wanita dalam industri kecil dan sederhana. Di Guangzhou, China sejumlah 129.3 bilion Yuan (kira-kira RM62.8 bilion) pembiayaan mikrokredit tanpa faedah telah diagihkan untuk manfaat 2.68 juta wanita merentasi seluruh China. Program ini memberi impak yang sangat positif ke arah pemerkasaan ribuan wanita luar bandar dan bandar.

Manakala hampir 2.5 juta wanita Malaysia memperoleh manfaat dari program mikrokredit sejak tahun 2009, dengan jumlah sebanyak RM13.5 bilion dan rata-rata menunjukkan prestasi bayaran balik pinjaman yang sangat memberangsangkan. Ini terbukti apabila hampir 98 peratus daripada peminjam wanita berjaya membayar balik pinjaman mereka sehingga langsa (Utusan Malaysia, Februari 2017). Selaras dengan perkembangan itu, peranan wanita sebagai penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan guna tenaga dilihat amat penting di peringkat negeri dan turut mendapat perhatian serta sokongan padu daripada kerajaan negeri Selangor.

Di bawah program Inisiatif Peduli Rakyat 9 (IPR 9), Skim Hijrah telah diperkenalkan oleh kerajaan Selangor pada tahun 2010. Skim Hijrah merupakan program mikrokredit bersepadan gagasan YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali. Program yang telah menggabungkan skim-skim mikrokredit seperti SKIMSEL, MIMBAR dan WALA telah dilancarkan dengan rasminya oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor pada 24 Mac 2015 dengan suntikan modal sebanyak RM100 juta. Program ini juga merupakan Action Research Project dengan tujuan utamanya adalah untuk melebarkan dan memperkasakan golongan pertengahan di negeri Selangor.

Inisiatif ini disambut baik oleh golongan yang memerlukan dana dan statistik menunjukkan golongan wanita telah mendominasi skim mikrokredit Hijrah untuk perniagaan sejak dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor (Selangorkini, 2015). Program Hijrah Selangor menawarkan beberapa skim kepada para usahawan yang berminat untuk memohon.

Jadual 1.1 memperincikan jenis-jenis skim mikrokredit yang ditawarkan di bawah pelaksanaan Hijrah Selangor.

**Jadual 1.1: Jenis-jenis Skim Mikrokredit Hijrah Selangor**

JENIS SKIM	PINJAMAN (RM)	
<b>FASA PERMULAAN</b>		
<b>SKIM 1</b>	1,000 – 5,000	Ditawarkan kepada semua peminjam yang layak.
<b>SKIM 2</b>	6,000 – 10,000	
<b>FASA JANGKA PANJANG</b>		
<b>SKIM 3</b>	15,000 – 20,000	Hanya ditawarkan kepada para peminjam yang tamat pinjaman fasa permulaan dengan rekod disiplin bayaran balik yang memuaskan
<b>SKIM 4</b>	30,000 – 50,000	

Jadual di atas menunjukkan empat jenis skim yang disediakan oleh Hijrah Selangor kepada semua peminjam yang berpotensi dan layak untuk memohon. Untuk peringkat permulaan, pemohon yang layak akan ditawarkan dengan fasa permulaan iaitu Skim 1 atau Skim 2. Rekod kredit dan bayaran balik yang baik akan mempengaruhi Skim 3 dan Skim 4. Dengan itu, peserta yang mempunyai rekod disiplin bayaran balik yang memuaskan bagi Skim 1 dan Skim 2, adalah layak untuk memohon dan dipertimbangkan bagi Skim 3 atau Skim 4 untuk fasa jangka panjang, hanya selepas selesai membuat bayaran bagi skim yang telah disertai sebelumnya.

Sehingga bulan November 2015, sebanyak 11,378 ahli telah berdaftar dalam skim mikrokredit Hijrah, dengan 70% daripadanya adalah wanita, manakala 887 orang adalah daripada kalangan ibu tunggal. Sehingga Januari 2018, bilangan kaum wanita yang memohon skim Hijrah telah meningkat kepada 23,742 orang. Namun, bilangan penyertaan dari kalangan ibu tunggal yang mengambil manfaat dari skim ini masih lagi dilihat masih kecil iaitu hanya 2,839 orang (12%) berbanding jumlah ibu tunggal berdaftar di Selangor yang melebihi 24,000 orang sehingga kini. Situasi ini menunjukkan masih terdapat sebilangan besar ibu tunggal yang belum memanfaatkan skim Hijrah yang ditawarkan.

Selaras dengan itu, kajian ini akan memfokuskan kepada pemberdayaan ibu tunggal melalui penglibatan mereka di dalam skim mikrokredit Hijrah. Perbincangan lanjut tentang sejauhmana indikator pemberdayaan menyumbang kepada tahap keberkesanan program mikrokredit Hijrah kepada sejak dilaksanakan pada tahun 2010.

## **1.2 OBJEKTIF KAJIAN**

- 1.2.1 Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penyertaan ibu tunggal dalam program mikrokredit Hijrah Selangor.
- 1.2.2 Menganalisa pemberdayaan ibu tunggal berdasarkan indikator pemberdayaan; ekonomi, sosial dan psikologi ekoran penyertaan dalam program mikrokredit Hijrah Selangor.
- 1.2.3 Mengukur tahap keberkesanan program terhadap ibu tunggal yang menyertai program mikrokredit Hijrah Selangor.
- 1.2.4 Mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan program mikrokredit Hijrah Selangor ke arah pemberdayaan ibu tunggal yang lebih mampan.

## **1.3 PERSOALAN KAJIAN**

- 1.3.1 Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penyertaan ibu tunggal dengan program mikrokredit Hijrah Selangor?
- 1.3.2 Sejauhmana pemberdayaan ibu tunggal berdasarkan indikator pemberdayaan; ekonomi, sosial dan psikologi ekoran penyertaan dalam program mikrokredit Hijrah Selangor?
- 1.3.3 Sejauhmana tahap keberkesanan program terhadap ibu tunggal yang menyertai program mikrokredit Hijrah Selangor?
- 1.3.4 Apakah cadangan atau langkah-langkah penambahbaikan program mikrokredit Hijrah Selangor ke arah pemberdayaan ibu tunggal yang lebih mampan?

## **1.4 KEPENTINGAN KAJIAN**

1.5.1 Kajian ini dijangka mampu untuk memberi input kepada kerajaan negeri Selangor ke arah pemberdayaan ibu tunggal dan pemantapan pelaksanaan program mikrokredit (Hijrah Selangor) sedia ada.

1.5.2 Kajian ini boleh membantu mengenalpasti, mencadangkan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh golongan ibu tunggal untuk menyertai program mikrokredit ini.

1.5.3 Selain itu, kajian ini juga boleh menjadi sumber serta menyumbang kepada pembentukan atau penggubalan polisi yang berkaitan dengan pembangunan modal insan khususnya golongan wanita di negeri Selangor.

Terdapat banyak kajian mengenai program mikrokredit ke arah pemberdayaan wanita di Malaysia, namun terdapat sebilangan kajian sahaja yang memfokuskan kepada pemberdayaan ibu tunggal malah masih belum terdapat penyelidikan berkaitan indeks keberkesanan program mikrokredit di Malaysia.

## **1.5 SKOP KAJIAN**

Kajian ini mencangkupi perbincangan berkaitan program mikrokredit Hijrah Selangor yang berfungsi sebagai salah satu kaedah untuk mendapat suntikan modal bagi memulakan aktiviti perniagaan berskala kecil. Skim mikrokredit Hijrah ini ditawarkan oleh kerajaan negeri Selangor pada tahun 2010, dan disertai oleh individu yang memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Kajian ini juga turut mengukur tahap keberkesanan program terhadap pemberdayaan ibu tunggal di Selangor dan seterusnya mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan program. Dengan itu, pengkaji memilih peserta dalam kalangan ibu tunggal yang menyertai skim mikrokredit Hijrah Selangor ini sebagai responden kajian. Definisi ibu tunggal yang dimaksudkan adalah kaum wanita yang:

1. Telah kematian suami, atau
2. Bercerai, atau
3. Wanita yang mempunyai suami yang sakit dan tidak mampu untuk mencari nafkah.
4. Semua kategori di atas adalah isirumah yang berpendapatan RM1,500 dan ke bawah.

Mereka dipilih secara bertujuan (purposive) melalui data yang dimohon oleh pengkaji daripada ibu pejabat Hijrah Selangor. Golongan ibu tunggal ini menjalankan perniagaan berskala kecil di empat zon sekitar negeri Selangor dan turut menyumbang kepada pembangunan, pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan sosial. Responden yang diperlukan berada di Zon 1, Zon 2 dan Zon 3, sekitar negeri Selangor. Perincian zon mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang terlibat untuk tujuan pengumpulan data adalah seperti yang ditunjukkan di Jadual 1.1 berikut

**Jadual 1.5: Perincian Zon Berdasarkan Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN)**

ZON	KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)		
1	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Sungai Air Tawar</li> <li>▪ Sabak</li> <li>▪ Sungai Panjang</li> <li>▪ Sekinchan</li> <li>▪ Sungai Burong</li> <li>▪ Permatang</li> <li>▪ Bukit Melawati</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Ijok</li> <li>▪ Jeram</li> <li>▪ Kota Anggerik</li> <li>▪ Batu Tiga</li> <li>▪ Meru</li> <li>▪ Sementa</li> <li>▪ Selat Klang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Bandar Baru Klang</li> <li>▪ Pelabuhan Klang</li> <li>▪ Pandamaran</li> <li>▪ Sentosa</li> <li>▪ Sungai Kandis</li> <li>▪ Kota Kemuning</li> </ul>
2	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Bukit Antarabangsa</li> <li>▪ Lembah Jaya</li> <li>▪ Pandan Indah</li> <li>▪ Teratai</li> <li>▪ Dusun Tua</li> <li>▪ Semenyih</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Sungai Ramal</li> <li>▪ Balakong</li> <li>▪ Seri Kembangan</li> <li>▪ Seri Serdang</li> <li>▪ Kinrara</li> <li>▪ Banting</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Morib</li> <li>▪ Tanjung Sepat</li> <li>▪ Dengkil</li> <li>▪ Sungai Pelek</li> </ul>
3	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kuang</li> <li>▪ Rawang</li> <li>▪ Taman Templer</li> <li>▪ Sungai Tua</li> <li>▪ Gombak Setia</li> <li>▪ Hulu Kelang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Subang Jaya</li> <li>▪ Seri Setia</li> <li>▪ Taman Medan</li> <li>▪ Bukit Gasing</li> <li>▪ Kampong Tunku</li> <li>▪ Bandar Utama</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Bukit Lanjan</li> <li>▪ Paya Jaras</li> <li>▪ Kota Damansara</li> <li>▪ Hulu Bernam</li> <li>▪ Kuala Kubu Baharu</li> <li>▪ Batang Kali</li> </ul>

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

### 2.0 PENGENALAN

Pada bab ini, pengkaji akan memfokuskan perbincangan berdasarkan tinjauan literatur bagi mengupas beberapa indikator yang menjadi kayu pengukur kepada tahap keberkesanan program mikrokredit terhadap pemberdayaan ibu tunggal. Tinjauan literatur terbahagi kepada beberapa bahagian perbincangan iaitu, hubungan mikrokredit dan pemberdayaan wanita serta indikator pemberdayaan yang terdiri dari dimensi ekonomi, sosial dan psikologi.

### 2.1 KERANGKA TEORI

Kajian ini adalah bersandarkan kepada General Theory of Entrepreneurship yang diperkenalkan oleh Scott Andrew (2003). Teori ini memberi penekanan terhadap usahawan untuk mencari peluang (opportunity discovery), menilai peluang (evaluation of the opportunity) dan keputusan untuk mengeksplorasi peluang (decision to exploit the opportunity) yang tersedia. Teori ini juga turut merangkumi beberapa aspek lain seperti bekerja sendiri (self-employment), operasi perniagaan (business operation) dan prestasi (performance). (Ekpe et. Al, 2010). Shane et.al, 2003, mendefinisikan usahawan sebagai satu proses di mana wujudnya peluang untuk mencipta barang dan perkhidmatan, menilai dan mengeksplorasi. Teori ini mengetengahkan empat (4) pengukuran prestasi yang efektif iaitu survival, pertumbuhan (growth), keuntungan/ pendapatan (profitability/income), dan penawaran hak awam (initial public offering).

Survival merujuk kepada aktiviti keusahawanan yang berterusan, manakala pertumbuhan adalah kemampuan para usahawan untuk meningkatkan jualan dan menawarkan peluang pekerjaan. Keuntungan pula merujuk kepada hasil yang melebihi kos, manakala penawaran hak awam adalah penjualan saham baru kepada pelabur atau orang awam. Peluang adalah dicipta oleh para usahawan yang mampu untuk memulakan dan menambahbaik perniagaan yang seterusnya akan memberi kesan positif kepada kebijakan mereka. Secara umumnya, kebolehan serta kebijaksanaan untuk mencari dan mencipta peluang adalah berbeza bagi setiap usahawan. Ianya sangat bergantung kepada ciri-ciri kebolehan serta ketegasan yang ada pada diri mereka untuk mengakses maklumat dan sanggup bertindak dengan mengambil kira risiko yang ada. Ciri-ciri kebolehan dan ketegasan yang ada pada setiap usahawan itu biasanya akan dipengaruhi oleh aspek psikologi dan faktor demografi seperti tujuan, sikap terhadap risiko, pendidikan dan latihan, pengalaman kerjaya, umur dan status sosial.

Selain itu, faktor seperti ekonomi, kewangan, politik, perundangan dan sosio- budaya turut mempengaruhi penciptaan peluang oleh usahawan. Peluang yang dicipta perlu dieksplorasi dengan efektif oleh para usahawan dan ianya bergantung kepada kebolehan, taraf pendidikan, kemahiran dan ilmu yang diperolehi melalui pengalaman, rangkaian sosial dan analisis kos-manfaat (cost-benefit analysis) perniagaan.

Dari sudut mikrokredit, peluang yang dieksplorasi dengan efektif boleh membawa kepada misi perusahaan mikrokredit sebagai satu sumber dana dan seterusnya boleh menjurus kepada aktiviti keusahawanan seperti menceburan bidang perniagaan baru atau meluaskan perniagaan sedia ada. Mengambil kira kombinasi keseluruhan faktor, penggunaan sumber yang cekap dan efektif disertai pula dengan strategi perniagaan, pengurusan dan pentadbiran yang baik, ianya mampu untuk meningkatkan prestasi dan keuntungan. Di samping itu, faktor persekitaran perniagaan turut memainkan peranan yang penting dalam pengeksplorasi peluang berbanding dengan ciri-ciri lain yang ada pada setiap usahawan. (Shane et. Al, 2003 & Ekpe et. Al, 2010).

## 2.2 HUBUNGAN DI ANTARA MIKROKREDIT DAN PEMBERDAYAAN WANITA

Setelah lebih tiga dekad, mikrokredit menjadi satu elemen utama dalam strategi pembangunan ekonomi di seluruh dunia, khususnya di negara-negara membangun dan sedang membangun.

Kemudahan mikrokredit merupakan komponen asas dalam pembiayaan mikro yang secara khususnya merujuk kepada pemberian pinjaman dan kemudahan kredit kepada golongan miskin dan memerlukan. Jumlah pinjaman yang ditawarkan agak rendah di kebanyakan negara dan kemudahan ini dibangunkan untuk menyalur serta memenuhi keperluan modal dan pergerakan tunai dari unit lebihan kepada unit defisit. Lebihan keuntungan dari mikrokredit akan digunakan sebagai sumber modal untuk perniagaan kecil bagi menambah pendapatan golongan miskin ini, yang seterusnya akan membantu mereka keluar dari kepompong kemiskinan yang membelenggu. Mikrokredit juga merupakan bantuan kewangan kepada peniaga kecil dalam usaha untuk membasmi kemiskinan dan mengubah taraf kehidupan keluarga.(Mafizur et al., 2018, K. Swapna, 2017).

Penentuan konsep pemberdayaan merupakan sebuah keserasian yang semakin berkembang ketika ini (Nazier & Ramadan, 2018). Konsep pemberdayaan merangkumi pelbagai dimensi di mana melibatkan perubahan individu dari sudut peningkatan kemahiran serta keupayaan terhadap ekonomi, sosio-budaya, undang-undang, politik dan juga psikologi (Malhotra & Schuler, 2005; Samman & Santos, 2009). Menurut Kaber (1999, 2001, 2011), pemberdayaan wanita ditakrifkan sebagai proses di mana wanita memperoleh sumber yang dapat membantu meningkatkan agensi<sup>1</sup> mereka, seterusnya meningkatkan kesejahteraan diri serta keluarga mereka. Seseorang itu dianggap mempunyai pemberdayaan sekiranya mereka berjaya mencapai kawalan psikologi, pengaruh sosial yang baik serta mampu melibatkan diri dalam sebarang proses pembuatan keputusan.

Pemberdayaan mempunyai lebih dari satu dimensi dan salah satunya ialah proses pemberdayaan wanita. (Mafizur et al., 2018). Mantan Perdana Menteri India pernah berkata “apabila wanita bergerak maju ke hadapan, maka keluarga dan negara juga akan turut maju”. Sumbangan golongan wanita terhadap pertumbuhan ekonomi sesebuah negara sememangnya tidak dapat disangkal lagi. Selaras dengan itu, tahap pemberdayaan wanita akan sentiasa diselitkan sebagai agenda utama dalam setiap proses pembentukan strategi dan pelaksanaan program. (Ruchi, 2017).

---

<sup>1</sup> Agensi bermaksud keupayaannya untuk menentukan dan membuat pilihan kehidupan yang strategik. Konsep agensi wanita terdiri daripada tindakan yang boleh dilihat wanita dan agensi ideasinya (ideational agency). Diambil dari : Nazier, H., & Ramadan, R. (2018). What empowers Egyptian women: resources versus social constraints? Review of Economics and Political Science, 3(3/4), 153–175. <https://doi.org/10.1108/REPS-10-2018-015>.

Torri & Martinez (2014) menyatakan pemberdayaan adalah proses perubahan dalaman terhadap individu yang kurang berkuasa dalam membuat pilihan kepada mempunyai keupayaan untuk melakukannya serta kesedaran akan "makna, motivasi dan tujuan" dalam setiap tindakan mereka. Kajian kontemporari menjelaskan bahawa, penglibatan wanita dalam program pembiayaan mikro memberi kesan positif terhadap pemberdayaan golongan ini melalui beberapa dimensi seperti ekonomi, sosial, perundungan dan psikologi. (Bismark, 2017).

Kemudahan mikrokredit memainkan peranan yang sangat penting dalam meningkatkan kuasa pembuatan keputusan wanita dalam isi rumah berkaitan perbelanjaan dan perancangan keluarga. Ia juga mampu menyumbang kepada pemberdayaan wanita dari sudut pendapatan. Lebih daripada 65 juta orang golongan miskin di mana hampir 75 peratus daripada jumlah ini adalah wanita (Rathiranee et al., 2015).

Di samping itu juga, pelaburan terhadap proses pemberdayaan wanita dipercayai memberi impak yang besar kepada pertumbuhan ekonomi (Sarumathi & Mohan, 2011). Beberapa kajian lepas telah menunjukkan bahawa program mikrokredit memberi kesan positif yang signifikan terhadap pemberdayaan wanita (Pitt & Khandkar, 1998; Khandkar, 2005). Selain itu, kajian terdahulu juga membuktikan bahawa wanita memainkan peranan yang besar dalam proses membuat keputusan dalam keluarga (Duflo 2012; World Bank, 2012). Menurut Mahmood et al. (2014), kekurangan modal, keyakinan dan harga diri menyebabkan banyak wanita hidup dalam kemiskinan.

Oleh itu, mikrokredit merupakan salah satu cara dalam meningkatkan taraf kehidupan wanita miskin. Menurut Porter (2016); Vinodhini & Vaijayanthi (2016), mikrokredit telah diperkenalkan sebagai satu alat yang berkesan dalam usaha untuk meningkatkan tahap harga diri dan pendapatan. Mikrokredit juga telah berjaya meningkatkan tahap keyakinan diri dan kebebasan di kalangan wanita.

### 2.3 EKONOMI

Sejak diperkenalkan pada tahun 1987, sistem mikrokredit di Malaysia telah berkembang sebagai suatu pendekatan efektif dan terbukti mampu mengatasi masalah kemiskinan dan seterusnya meningkatkan taraf hidup masyarakat di negara ini. Menurut bancian dari Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2012, 80 peratus dari perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia adalah terdiri daripada perusahaan mikro dan 13 peratus dari perusahaan mikro ini bergantung kepada institusi kewangan untuk mendapatkan pembiayaan terutamanya mikrokredit. PKS yang mewakili 99 peratus daripada keseluruhan institusi perniagaan ini telah menyediakan peluang pekerjaan kepada 5.6 juta orang serta menyumbang 35 peratus kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK).

Ketersediaan kemudahan kredit sangat penting bagi mengatasikekangan kewangan yang telah dikenalpasti menjadi salah satu punca utama menghalang pertumbuhan dan kemampunan perusahaan kecil dan sederhana di negara-negara yang sedang membangun (Wellalage & Locke, 2017). Oleh itu, kemudahan kredit memainkan peranan penting dalam memudahkan aliran modal seterusnya dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi seseorang individu (Mariyono, 2019).

Menurut Ferdousi (2015), dasar untuk merangsang pertumbuhan ekonomi adalah perlu untuk memperkasa sistem kewangan, dengan mempromosi pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan bagi menghasilkan kesan positif terhadap proses simpanan-pelaburan dan seterusnya pertumbuhan ekonomi. Produk kewangan adalah seperti dalam bentuk kredit mahupun insurans di mana produk ini telah dilihat memainkan peranan penting dalam peningkatan inovasi kewangan.

Mikrokredit juga dapat membantu ke arah peningkatan perniagaan kepada sektor sebenar dan merangsang pertumbuhan ekonomi, menurunkan kadar pengangguran melalui peningkatan permintaan tenaga kerja, meningkatkan pendapatan dan menurunkan kadar kemiskinan (Sipahutar et al., 2016). Fofana et al. (2015) mendapati bahawa kumpulan peminjam melalui mikrokredit secara puratanya mempunyai pendapatan yang lebih tinggi dan nilai aset isi rumah yang lebih tinggi berbanding bukan peminjam. Dari sudut jumlah wang simpanan, mikrokredit nyata memberi impak positif terhadap kadar simpanan tunai oleh golongan miskin (Adjei et al, 2009; Barnes et al., 2001; Dupas & Robinson, 2013; Ssewamala et al., 2010). Menurut Van Rooyen et al. (2012), melalui ringkasan literatur terdahulu mengenai kesan ekonomi dan sosial terhadap pembiayaan mikro di sub-Sahara Afrika. Di antara indikator yang termasuk di dalam kajian tersebut adalah pendapatan, simpanan, pembelanjaan, kesihatan, pemakanan, keselamatan pemakanan, pendidikan, buruh kanak-kanak, pemberdayaan wanita, perumahan dan penciptaan pekerjaan. Justeru, bukti telah menunjukkan bahawa mikrokredit mempunyai kedua-dua kesan positif dan negatif terhadap dimensi yang dinyatakan tadi.

Dalam situasi yang lebih khusus, peserta mikrokredit lebih cenderung untuk memiliki rumah sendiri dan membuat pelaburan mengikut kemampuan dan komitmen masing-masing (Brannen, 2010; Barnes et al., 2001). Dari aspek yang lain, program mikrokredit sememangnya memberi kesan positif terhadap penciptaan peluang pekerjaan baru. (Abdullah-Al-Mamun et al., 2011). Dalam satu kajian di Kerala, India, didapati bahawa selepas menyertai sebuah pertubuhan yang khusus untuk wanita dan menerima dana mikrokredit, situasi mereka menunjukkan peningkatan positif yang ketara dari sudut ekonomi wanita tersebut (Kumar, 2016). Dash et al., (2016) cuba menjelaskan impak perhidmatan mikrokredit terhadap pemberdayaan wanita dari segi perubahan pendapatan, simpanan, status sosio-ekonomi, dan penyertaan politik. Kajian ini dijalankan ke atas 220 sampel warganegara yang menyertai program mikrokredit dari institusi mikrokredit terkemuka yang beroperasi di Kerala, India. Sampel dipilih berdasarkan persampelan kluster pelbagai peringkat. Hasil kajian menunjukkan bahawa program mikro kredit telah memberi impak positif kepada para penerima. Majoriti responden terlibat dalam pelbagai aktiviti penjanaan pendapatan melalui kemudahan kredit yang disediakan oleh institusi tersebut. Justeru, ia menghasilkan perubahan yang ketara terhadap peningkatan pendapatan dan simpanan mereka selepas menyertai program mikrokredit. Keberkesanan ini telah membantu mereka menjana pendapatan untuk keluarga serta membolehkan mereka memainkan peranan penting dalam keluarga dan masyarakat.

Di samping itu, mikrokredit turut memberi kuasa kepada peminjam wanita dalam membuat keputusan isi rumah berkaitan mobiliti, perbelanjaan harian, urusan persekolahan anak-anak dan perbelanjaan kesihatan (Al-Salami, R.M, & Rashid, 2017). Dalam satu kajian kes mengenai kesan pembiayaan mikro terhadap pemberdayaan wanita di Sri Lanka, pengkaji meneliti impak mikrokredit terhadap kemiskinan dan kelemahan sosioekonomi wanita serta keupayaan untuk membentuk modal sosial menerusi pinjaman mikro berdasarkan kumpulan. Analisis mendapati bahawa jika wanita itu meminjam dan bertindak sebagai saluran kredit, ia mempunyai kesan positif dan signifikan terhadap keupayaannya dari sudut pembuatan keputusan isi rumah (Herath, Guneratne, & Sanderatne, 2015).

Al-Salami, Majid, Mohamad, & Rashid (2017) pula mengkaji tentang kesan pinjaman produktif yang disediakan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) terhadap kebajikan dan pemberdayaan isi rumah wanita. Satu tinjauan keratan rentas (cross- sectional study ) telah digunakan melalui pengedaran soal selidik kepada 495 peminjam lama dan baru. Didapati bahawa kemudahan mikrokredit mempunyai kesan positif yang signifikan terhadap pendapatan isi rumah peminjam dan pemilikan aset peribadi. Kesimpulannya, manfaat mikrokredit mampu meningkatkan pemberdayaan golongan wanita dalam membuat keputusan isi rumah. Walaubagaimanapun wanita tidak mempunyai pengaruh untuk mengawal kewangan kecil.

Malathi & Vijayarani (2012), mengkaji hubungan di antara mikrokredit dan pemberdayaan wanita di kawasan pedalaman daerah Cuddalore, Tamil Nadu, India. Hasil analisis data ke atas 100 sampel mendedahkan bahawa, mikrokredit banyak membantu wanita ke arah proses pemberdayaan. Aspek pemberdayaan ini dinilai berdasarkan kepada kedudukan ekonomi serta pendidikan sebelum dan selepas mengikuti program Self Help Group (SHG). Walaubagaimanapun terdapat juga kemungkinan program mikrokredit ini memberi kesan yang negatif kepada sesetengah komuniti. Walaupun kejayaan serta pengiktirafan mikrokredit sebagai alat untuk pembasmian kemiskinan telah melonjak ke peringkat global, namun terdapat beberapa pakar dalam bidang pembangunan meragui tahap keberkesanan kemudahan mikrokredit secara menyeluruh (Wood, 1997; Weber, 2002).

Bateman (2010), mendedahkan bahawa mikrokredit tidak meningkatkan pendapatan malah telah mendorong isi rumah yang terdiri daripada golongan miskin terperangkap dengan hutang oleh kerana kadar faedah yang dikenakan adalah tinggi. Rentetan daripada itu, satu garispanduan telah dicadangkan bagi mengelakkan masalah ini dari berlaku kepada golongan miskin tegar supaya mereka tidak terbeban dengan masalah hutang akibat membuat pinjaman mikrokredit (Jahiruddin et al., 2011).

## 2.4 SOSIAL

Dimensi pemberdayaan sosial adalah proses kebebasan, keyakinan diri, dan tindakan untuk mengubah hubungan sosial (Casey, Saunders & O' HARA, 2010). Penemuan Ab-Rahim, Shah, & Raki (2018) dalam kajian mereka menunjukkan bahawa mikrokredit memberi kesan positif kepada wanita seterusnya mencadangkan peluang untuk kajian masa hadapan dengan mengesyorkan agar pemberdayaan wanita dianalisis berdasarkan aspek ekonomi dan sosial.

Sarumathi dan Mohan (2011) menggunakan indikator psikologi, sosial dan ekonomi dalam kajian mereka bagi mengenalpasti peranan pembiayaan mikro dalam pemberdayaan wanita di daerah Pondicherry, India. Penemuan kajian mendedahkan bahawa mikrokredit membantu meningkatkan pemberdayaan wanita dari sudut psikologi dan sosial berbanding ekonomi.

Beberapa kajian lepas telah menggunakan pelbagai indikator yang berbeza untuk mengukur tahap pemberdayaan. Indikator ini termasuk harga diri (Basargekar, 2009; Kato & Kratzer, 2013; Nikkhah et al., 2010; Hansen, 2015); keyakinan diri (Pitt et al., 2006; Pitt et al., 2003; Burra et al., 2005; Kim et al., 2007); keberkesanan diri (Schuler et al., 2010; Kato & Kratzer, 2013; Herath et al 2015; Ahmad & Ahmad, 2016); pengambilan keputusan (Ashraf et al., 2008; Blumberg, 2005; Hashemi & Rosenberg, 2006; Banerjee et al., 2015) dan mobility (Parameswaran, 2005, Swain & Wallentin, 2009; Schuler et al. Kato & Kratzer, 2013; Datta, 2015).

Ahmad & Ahmad (2016) mengkaji keberkesanan program mikrokredit terhadap pembangunan sosioekonomi wanita bandar di tiga daerah di Rawalpindi. Pengkaji mendapat bahawa perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi kewangan mikro, Akhuwat<sup>2</sup>, kepada golongan wanita telah berjaya membantu mereka ke arah memperbaiki taraf hidup yang ke arah yang lebih baik. Faktor penyumbang utama ialah aspek pengurusan kredit yang cekap oleh semua peminjam. Kajian ini juga berusaha untuk menyiasat dakwaan bahawa penggunaan mikrokredit tanpa faedah oleh isi rumah mempunyai korelasi langsung dengan pemberdayaan sosioekonomi wanita bandar yang dipinggir. Sebanyak 90 orang wanita ditemuramah secara mendalam dan menggunakan soal selidik.

Keputusan menunjukkan bahawa, peminjam wanita mempunyai akses yang lebih besar kepada peluang menjana pendapatan, menjadi lebih yakin, mengambil bahagian secara aktif dalam proses membuat keputusan, membangunkan rangkaian yang lebih kukuh, berlaku pengurangan keganasan dalam rumah tangga dan dapat menikmati mobiliti sosial yang lebih baik. Selain itu, satu kajian di Uganda telah membuktikan wanita berkebolehan dalam menguruskan kewangan sendiri serta memperoleh mobiliti yang lebih besar (Van Rooyen, Stewart, & de Wet, 2012).

## 2.5 PSIKOLOGI

Aspek psikologi juga merupakan salah satu faktor penting yang menyumbang kepada pemberdayaan wanita dalam program mikrokredit. Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mendefiniskan psikologi sebagai pola pemikiran dan perlakuan seseorang atau sesuatu kumpulan tertentu. Aspek psikologi ini boleh dikategorikan kepada keyakinan diri, kemahiran diri, kesedaran pendidikan, persekitaran dan keharmonian atau kesejahteraan diri dan keluarga.

---

<sup>2</sup> Akhuwat - Pertubuhan pembiayaan mikro terbesar di Pakistan..

Sarumathi dan Mohan (2011) menggunakan indikator psikologi, sosial dan ekonomi dalam kajian mereka bagi mengenalpasti peranan pembiayaan mikro dalam pemberdayaan wanita di daerah Pondicherry, India. Penemuan kajian mendedahkan bahawa pembiayaan mikro membantu meningkatkan pemberdayaan wanita dari sudut psikologi dan sosial berbanding ekonomi. Kajian ini turut disokong oleh Henry (2011). Beliau menerangkan pemberdayaan hanya boleh direalisasikan sekiranya seseorang individu mempunyai perasaan psikologi pengawalan diri. Tahap dan kemampuan untuk mengawal diri amat penting dalam membantu wanita membuat sesuatu keputusan atau berhadapan dengan situasi persekitaran di luar jangkaan.

Penglibatan wanita dalam mikrokredit juga turut menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan hidup. Jika dibandingkan dengan keupayaan akses pembiayaan secara formal melalui institusi perbankan dan kewangan, kemudahan mikrokredit ini lebih mudah diakses dari sudut kelayakan dan permohonan. Ia dijangka mampu menambahbaik tahap psikologi wanita (Salia et al, 2018) dan menghasilkan pendapatan tambahan untuk digunakan bagi menampung keperluan harian serta berupaya meningkatkan tahap kualiti dan kesejahteraan hidup (Rofikoh et al, 2016).

Salia et al, (2018); Francina dan Mary, (2013) menghuraikan dalam dapatan kajian mereka bahawa kemudahan mikrokredit dapat memberi kesan positif kepada penglibatan wanita dari sudut psikologi seperti peningkatan tahap keyakinan diri, penambahbaikan dalam kebahagiaan hidup, nilai harga diri dan kemahiran diri, keberanian mengeluarkan pandangan atau pendapat, menjadi lebih berani dan berdikari. Batool et al (2016) dalam kajiannya ke atas 500 orang wanita dalam lingkungan umur 21 hingga 49 tahun turut mendapati bahawa, pemberdayaan wanita secara spesifiknya kepada psikologi mempunyai hubungan yang positif dengan keyakinan diri.

Friedmann menerangkan pemberdayaan dari segi kuasa hubungan terdiri daripada tiga bentuk (Ab-Rahim, Shah, & Raki, 2018):

1. Kesedaran, pengetahuan, kuasa sosial, kebolehan, penyertaan dalam masyarakat dan akses kepada sumber kewangan tanpa sebarang bentuk diskriminasi masyarakat.
2. Kuasa politik yang bermaksud kebebasan dan penglibatan dalam proses membuat keputusan.
3. Bentuk kuasa terakhir adalah kuasa psikologi yang mengambil kira potensi individu dan pertimbangan mereka yang mempengaruhi kuasa politik dan sosial.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 PENGENALAN**

Metodologi kajian adalah satu proses atau tatacara dalam melaksanakan kajian. Bab ini menerangkan secara terperinci tentang metodologi kajian yang merangkumi cara, kaedah dan proses yang digunakan untuk mencapai objektif kajian. Metodologi kajian juga amat menyumbang kepada kajian yang lebih terarah dan sistematik untuk mencapat matlamat kajian. Menurut Sabita (2005), metodologi kajian merupakan satu proses pengkajian yang saintifik dengan menggunakan langkah-langkah sistematik bermula dari pembentukan permasalahan kajian, pengumpulan data sehingga penghasilan laporan kajian berdasarkan kepada analisis kajian yang bertepatan dengan data yang diperolehi. Penerangan lanjut akan membincangkan dengan terperinci beberapa elemen penting dalam metodologi, di antaranya ialah:

1. Reka bentuk kajian.
2. Kerangka konseptual
3. Populasi dan sampel.
4. Instrumen kajian.
5. Kajian rintis.
6. Prosedur pengumpulan data.
7. Kaedah analisis data.
8. Model empirical.
9. Rumusan.

Secara umumnya, proses kajian ini merangkumi tiga peringkat iaitu, peringkat awal, pengumpulan data dan analisis data serta penyediaan pelaporan dapatan kajian.


#### **3.1 REKA BENTUK KAJIAN**

Hasil kajian adalah ditentukan oleh kaedah dan rekabentuk kajian, manakala reka bentuk kajian pula akan ditentukan oleh tujuan kajian. Reka bentuk kajian merupakan elemen penting dalam memudahkan proses kajian, kerana ia merupakan pelan untuk mengumpulkan data serta menggariskan setiap prosedur yang bermula sehingga analisis data. Dalam sesuatu kajian, reka bentuk dan struktur kajian amat diperlukan bagi menerangkan secara terperinci aliran kerja yang akan dilaksanakan. Fungsi utama reka bentuk kajian adalah untuk memastikan dapatan yang diperolehi boleh menjawab semua persoalan kajian yang dinyatakan pada peringkat awal.(De Vaus, 2001).

Kajian ini adalah bersandarkan kepada General Theory of Entrepreneurship yang diperkenalkan oleh Scott Shane Andrew (2003). Teori ini mencadangkan bahawa, para usahawan perlu menggunakan kemampuan dan kebolehan yang dimiliki untuk mencipta peluang (opportunity discovery), menilai peluang (evaluation of the opportunity) dan keputusan untuk mengeksplorasi peluang (decision to exploit the opportunity) yang tersedia. Teori ini juga melihat bagaimana aspek motivasi dalam diri individu dan beberapa faktor luaran lain seperti, modal permulaan, persaingan dan undang-undang turut mempengaruhi keusahawanan.

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu kaedah tinjauan melalui penggunaan borang soal selidik dan temubual. Segala maklumat berkaitan dengan responden akan dirahsiakan. Menurut Zamalia Mahmud (2011), kajian kuantitatif adalah fokus dengan mengukur fenomena sosial. Dalam kandungan sains sosial, seperti fenomena mungkin mengandungi sikap, kesedaran, kepercayaan, kepuasan, pandangan, karakter individu seperti jantina, umur, status perkahwinan dan personaliti. Carta alir kajian boleh diringkaskan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1 berikut.

**Rajah 3.1: Carta Alir Kajian**



### 3.1.1 Soal Selidik

Pautan borang soal selidik telah diedarkan melalui aplikasi Whatsapp dan atas talian dengan menggunakan pautan Google Form setelah mendapat maklum balas persetujuan daripada responden. Mereka perlu memberi kerjasama dalam melengkapkan borang soal selidik samada melalui telefon atau aplikasi Whatsapp. Enumerator yang dilantik akan sedia membantu dan memastikan responden mengisi borang soal selidik dengan lengkap.


### 3.1.2 Temubual

Responden ditemubual melalui telefon di mana kaedah ini dilihat lebih bersesuaian bagi mendapatkan maklumbalas daripada responden yang banyak, memandangkan lokasi perniagaan serta tempat tinggal mereka yang berserakan di Zon 1, Zon 2 dan Zon 3. Kaedah ini diperlukan bagi responden yang tidak mempunyai aplikasi Whatsapp dan kurang arif dengan pautan yang disediakan. Selain itu kaedah ini dapat menjimatkan masa memandangkan tempoh kajian yang terhad.

## 3.2 KERANGKA KONSEPTUAL

Bagi memudahkan proses kajian ini, satu kerangka kajian dibentuk berdasarkan hasil kajian-kajian lepas berkaitan faktor yang menyumbang kepada keberkesanan program mikrokredit.(Al-Shami et. Al. 2014). Fokus kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan di antara indikator pemberdayaan wanita dengan tahap keberkesanan program mikrokredit Hijrah Selangor. Kerangka kajian adalah seperti berikut.

**Rajah 3.2 Kerangka Kajian  
PEMBOLEHUBAH TIDAK BERSANDAR (IV) PEMBOLEHUBAH BERSANDAR (DV)**



Sebagai tambahan kepada keberkesanan, faktor pengurusan Hijrah Selangor turut diambil kira sebagai salah satu pemboleh ubah yang mungkin akan mempengaruhi keberkesanan program mikrokredit Hijrah Selangor.

### **3.2.1 Pembolehubah Tidak Bersandar (IV)**

Pemboleh ubah tidak bersandar (IV) merujuk kepada pemboleh ubah yang boleh dimanipulasi, diubah dan mengukur kesan manipulasi terhadap pemboleh ubah yang lain. Berdasarkan kajian-kajian lepas, untuk mengukur pemberdayaan wanita, pengkaji telah menggunakan tiga (3) indikator utama iaitu ekonomi, sosial dan psikologi. Ketiga-tiga indikator pemberdayaan ini dijangka memberi kesan dan mempengaruhi keberkesanan program mikrokredit Hijrah Selangor.


### **3.2.2 Pembolehubah Bersandar (DV)**

Pemboleh ubah bersandar (DV) merupakan kriteria atau standard di mana sesuatu hasil dinilai dan mungkin dipengaruhi oleh pemboleh ubah tidak bersandar (IV). Jika berlaku perubahan pada DV, ini adalah kesan dari perubahan atau pengaruh IV. Justeru dalam kajian ini, DV adalah keberkesanan program mikrokredit Hijrah Selangor.

## **3.3 POPULASI DAN SAMPEL**

Populasi merujuk kepada sekumpulan individu yang ingin dikaji iaitu golongan ibu tunggal yang menyertai skim mikrokredit Hijrah Selangor. Berdasarkan rekod dan data yang diperolehi daripada pihak pengurusan Hijrah Selangor, populasi ibu tunggal yang menyertai skim mikrokredit Hijrah Selangor ialah sebanyak 2,800 orang merangkumi ketiga- tiga iaitu Zon 1, Zon 2 dan Zon 3 di Selangor. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif, di mana kaedah pensampelan bertujuan (purposive sampling) digunakan bagi membolehkan kajian ini dijalankan di Selangor. Pensampelan bertujuan membolehkan pengkaji memilih sasaran responden berdasarkan tujuan dan matlamat kajian.

Berdasarkan status populasi yang tidak konsisten dengan rekod yang diperolehi, pengkaji memutuskan untuk mendapatkan pengesahan status penyertaan ibu tunggal dalam skim mikrokredit Hijrah Selangor daripada setiap Pengurus Cawangan Hijrah Selangor. Maklumbalas yang diperolehi telah menunjukkan status bagi sebilangan ibu tunggal adalah tidak aktif. Dengan itu, pengkaji memutuskan untuk melakukan pembersihan data (data screening) bagi mengeluarkan data responden yang dianggap tidak aktif dan nombor telefon yang tidak dikemaskini. Rajah 3.3 menunjukkan proses pembersihan data ibu tunggal yang terlibat



### Rajah 3.3 Proses Penentuan Saiz Sampel

Rajah di atas menunjukkan proses menentukan saiz sampel dengan melakukan pembersihan data (data screening) bagi populasi yang dipilih. Pengkaji dibekalkan dengan keseluruhan data ibu tunggal berjumlah 2,800 orang oleh Unit Teknologi Maklumat, Hijrah Selangor. Namun demikian, didapati terdapat sebilangan besar responden tidak dapat dihubungi. Maka, keseluruhan data ini dihantar semula kepada Pengurus Cawangan Hijrah bagi setiap Zon 1, Zon 2 dan Zon 3. Berdasarkan status pengesahan dan maklumbalas yang diberikan oleh Pengurus Cawangan Hijrah, peserta ibu tunggal ini boleh dikategorikan sebagai aktif dan tidak aktif. Kategori peserta tidak aktif dan tidak dapat dihubungi adalah disebabkan oleh beberapa faktor berikut:

1. Peserta (ibu tunggal) telah selesai membuat bayaran balik dan tamat pinjaman.
2. Peserta (ibu tunggal) mempunyai rekod bayaran balik atau disiplin kredit yang tidak memuaskan dan diklasifikasikan sebagai tunggak tegar.
3. Nombor telefon peserta (ibu tunggal) tidak aktif.
4. Peserta (ibu tunggal) tidak mengemaskini nombor telefon terkini di pejabat Hijrah.
5. Peserta (ibu tunggal) didapati telah berkahwin semula selepas bergelar ibu tunggal dalam beberapa tempoh masa.
6. Peserta (ibu tunggal) enggan memberi kerjasama kepada penyelidik.

Selepas mengambil kira semua faktor dan kekangan di atas, populasi yang terlibat hanya 1,137 orang ibu tunggal yang berstatus aktif sahaja. Dengan itu, berdasarkan jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970) sebanyak 297 orang dipilih sebagai sampel bagi melengkapkan keseluruhan kajian ini.

### **3.4 INSTRUMEN KAJIAN**

Bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan, instrumen kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui borang soal selidik dan temubual untuk mengumpul data.

#### **3.4.1 Soal Selidik**

Proses reka bentuk item soal selidik berstruktur ini adalah hasil daripada tinjauan kajian lepas. Soal selidik ini digunakan untuk mengumpul data primer daripada sampel ibu tunggal dan terbahagi kepada 7 bahagian, iaitu (A) Aspek demografi (latar belakang responden) (B) Faktor-faktor penyertaan program Skim Mikrokredit Hijrah Selangor, (C) Psikologi, (D) Sosial, (E) Ekonomi, (F) Pengurusan dan pemantauan daripada Hijrah Selangor dan bahagian (G) Keberkesanan program.

Bahagian A menyentuh demografi responden merangkumi aspek jantina, umur, latar belakang pendidikan, pendapatan bulanan, jenis perniagaan dan tanggungan isi rumah. Bahagian B mengumpul data primer berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi penyertaan ibu tunggal dalam skim mikrokredit Hijrah Selangor. Ia merangkumi aspek prosedur penyertaan, tempoh kelulusan, caj pembiayaan, dan testimoni peserta yang telah berjaya.

Manakala, Bahagian C mengumpulkan data primer berkaitan salah satu indikator pemberdayaan wanita iaitu psikologi yang berkaitan dengan keyakinan terhadap kemampuan diri sendiri, kemahiran, kemampuan untuk mengubah nasib keluarga dan kedudukan dalam masyarakat. Bahagian D mengumpul data berkaitan dengan indikator pemberdayaan wanita yang kedua iaitu sosial. Ia merangkumi latar belakang persekolahan anak-anak, penyertaan dalam aktiviti sosial, komunikasi dan keakraban serta kesatuan dengan masyarakat.

Bahagian E mengumpul data tentang indikator pemberdayaan wanita yang ketiga iaitu ekonomi. Aspek yang diukur adalah seperti prestasi perniagaan yang dijalankan, pembayaran balik skim mikrokredit Hijrah, jumlah perbelanjaan isi rumah (sebelum dan selepas penyertaan), kebolehan membuat keputusan isi rumah dan kedudukan ekonomi isi rumah selepas menjalankan perniagaan menggunakan dana mikrokredit Hijrah.

Bahagian F pula mengumpul data berkaitan dengan pengurusan dan pemantauan pihak Hijrah terhadap peserta mikrokredit Hijrah Selangor. Ia merangkumi aspek latihan, kekerapan pemantauan, saluran aduan, kemampuan pegawai menyelesaikan masalah, memberi maklumbalas dan layanan yang baik tanpa diskriminasi. Bahagian G adalah bahagian yang terakhir pengumpulan data primer berkaitan dengan keberkesanannya program mikrokredit. Ia merangkumi keberkesanannya dalam meningkatkan pendapatan, membasmi kemiskinan, mengubah taraf hidup dan patut disertai oleh semua ibu tunggal.

Empat skala likert digunakan pada kesemua soalan B, C, D, F dan G kecuali di bahagian A. Skor likert yang digunakan adalah seperti dalam jadual seperti berikut.

**Jadual 3.4.1: Skala Likert**

<b>Bil</b>	<b>Skala</b>	
1.	4	Sangat Setuju
2.	3	Setuju
3.	2	Tidak setuju
4.	1	Sangat tidak setuju

Nilai purata (min) digunakan untuk menganalisis data. Oleh itu, analisis dilakukan berdasarkan jadual skor min yang dikategorikan kepada empat interpretasi min iaitu kurang kaitan, rendah, sederhana dan tinggi berdasarkan skala Likert empat mata yang diadaptasi daripada Riduan (2012) seperti dalam Jadual 3.4.2:

**Jadual 3.4.2: Tahap Skor Min**

<b>Skor Min</b>	<b>Interpretasi Min</b>
1.00-1.50	Kurang kaitan
1.51-2.50	Rendah
2.51-3.50	Sederhana
3.51-4.00	Tinggi

### 3.5 KAJIAN RINTIS

Sebanyak 32 borang soal selidik telah diedarkan dan dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS 23). Ujian kebolehpercayaan dilakukan pada setiap pemboleh ubah yang dikaji dengan bacaan nilai Cronbach's Alpha.

Daripada hasil ujian yang dijalankan, hampir kesemua pemboleh ubah kajian adalah tinggi iaitu melebihi bacaan 0.70. Hasil keputusan ujian kebolehpercayaan bagi setiap pemboleh ubah adalah seperti jadual keputusan ujian rintis dibawah.

**Jadual 3.4.3: Keputusan Ujian Rintis**

No. Rujukan	Pemboleh ubah	Cronbach's Alpha
C	Psikologi	0.915
D6 & D7	Sosial	0.904
F	Pengurusan dan pemantauan	0.962
G	Keberkesanan program	0.932

### 3.6 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Seperti yang dijelaskan pada bahagian sebelum ini, pengumpulan data dilakukan berdasarkan soal selidik. Kedua-dua sumber data primer dan data sekunder akan digunakan bagi melengkapkan kajian. Data primer diperolehi melalui soal selidik yang diedarkan melalui aplikasi Whatsapp dan pautan Google Form kepada ibu tunggal selaku responden, manakala data sekunder pula diperoleh dari pelbagai sumber rujukan akademik, jurnal, artikel, dokumen, laporan akhbar dan sumber bercetak lain yang berkaitan.

Manakala, maklumat utama ibu tunggal selaku responden seperti nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat kediaman dan nombor telefon, dimohon dan diperolehi daripada Unit Teknologi Maklumat, Hijrah Selangor. Untuk tujuan pengesahan maklumat ibu tunggal samada aktif atau tidak aktif, pengkaji telah memohon bantuan daripada setiap Pengurus Cawangan Hijrah Selangor untuk mengemaskini status pada senarai nama yang diperolehi daripada Unit Teknologi Maklumat, Hijrah Selangor. Bagi tujuan pengumpulan maklumat dan data kajian, enumerator yang dilantik akan menghubungi responden untuk mengedara dan mendapatkan maklumbalas soal selidik. Bagi responden yang kurang mahir menggunakan Google Form, mereka akan dibantu oleh enumerator melalui temubual berdasarkan soalan pada borang soal selidik.

### 3.7 TEKNIK ANALISIS DATA

Teknik analisis data merupakan satu kaedah untuk mengolah dan mempersembahkan data serta prosedur statistik agar mudah difahami dan memberi penyelesaian kepada objektif kajian. Keseluruhan data yang diperolehi akan dijumlahkan dan dianalisis dengan bantuan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS 23)*. Analisis data dilakukan melalui dua (2) cara iaitu analisis deskriptif dan analisis statistik. Analisis deskriptif akan menyimpulkan data secara numerik dan dibentangkan menggunakan jadual, grafik atau diagram. Manakala analisis statistik bertujuan untuk menginterpretasi dan menghasilkan kesimpulan bagi sesuatu keadaan yang berlaku kepada populasi dan sampel.

Jadual-jadual ini akan mengandungi item, skor, kekerapan, peratus dan min yang diperolehi hasil maklumbalas responden kajian. Data kajian ini akan dianalisis menggunakan kaedah statistik seperti ujian-t (paired t-test), analisis data taburan silang (cross tabulation), korelasi koefisyen (correlation coefficient) dan regresi linear (linear regression).

### 3.8 MODEL EMPIRIKAL

Berikut adalah tiga (3) model empirikal yang digunakan dalam kajian ini.

$$KBi = \alpha + \beta_1 Ekon_i + \beta_2 Sosi_i + \beta_3 Psi_i + \varepsilon_i \quad (1)$$

$$KBi = \alpha + \beta_1 Ekon_i + \beta_2 Sosi_i + \beta_3 Psi_i + \beta_4 FPI_i + \varepsilon_i \quad (2)$$

$$KBi = \alpha + \beta_1 IESP_i + \beta_2 FPI_i + \varepsilon_i \quad (3)$$

di mana pembolehubah tidak bersandar KB adalah keberkesanan program. Pembolehubah bersandar adalah seperti berikut. Ekon adalah faktor ekonomi, Sos adalah faktor sosial dan Psi adalah faktor psikologi di mana tiga (3) faktor ini merupakan faktor pemberdayaan ibu tunggal. IESP adalah indeks bagi pemberdayaan ibu tunggal yang merangkumi faktor ekonomi, sosial dan psikologi. Indeks ini mewakili tiga (3) faktor pemberdayaan iaitu ekonomi, sosial dan psikologi bagi mengukur keberkesanan program mikrokredit. Manakala FP adalah faktor pengurusan Hijrah Selangor sebagai pembolehubah kawalan dan  $\varepsilon$  adalah sebutan ralat.

Pembinaan indeks IESP adalah merujuk kepada Wye dan Ismail (2018) berdasarkan persamaan berikut:

$$\frac{(\sum_{j=1}^s X_{is}) - (\sum_{j=1}^s M_{is})}{(\sum_{j=1}^s M_{is}) - (\sum_{j=1}^s M_{is})}$$

Xis, Minis dan Maxis masing-masing adalah skor sebenar, minimum dan maksimum yang diberikan oleh responden ke-i untuk item ke-s yang dipamerkan dalam senarai jumlah j item yang mengukur setiap dimensi merangkumi ekonomi, sosial dan psikologi.

### **3.9 RUMUSAN**

Bab ini menerangkan tentang reka bentuk kajian dan kaedah analisis yang digunakan dalam melengkapkan kajian ini. Kajian rintis dijalankan sebelum penyelidikan sebenar dilaksanakan bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan intrumen kajian yang digunakan. Turut dijelaskan adalah model empirical yang dibentuk untuk melengkapkan objektif kajian.

## **BAB 4**

### **ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

#### **4.0 PENGENALAN**


Bab ini merupakan bahagian yang penting, membincangkan secara terperinci hasil dapatan kajian yang dijalankan. Analisis dan interpretasi dikemukakan untuk menjawab semua objektif dan persoalan kajian yang telah dinyatakan dalam Bab 1. Semua maklumat yang diperolehi melalui soal selidik dikumpul dan dianalisis. Hasil dapatan ini dibahagikan kepada dua (2) bahagian utama iaitu analisis maklumat demografi responden dan juga analisis deskriptif.

#### **4.1 ANALISIS DESKRIPTIF**

##### **4.1.1 DEMOGRAFI RESPONDEN**

###### **a. Umur**

Rajah 4.1.1a menunjukkan bahawa majoriti responden adalah berumur di antara 46 hingga 55 tahun dengan peratusan sebanyak 39.9%, 33.3% responden berumur di antara 36 hingga 45 tahun, 18% berumur 56 tahun dan ke atas dan baki 8.7% responden adalah pada umur di antara 25 hingga 35 tahun.




Sumber: Soal Selidik 2019

**Rajah 4.1.1(a): Umur Responden**

### b. Kategori Responden

Rajah 4.1.1(b) menunjukkan kategori responden, separuh daripada responden adalah merupakan ibu tunggal yang telah diceraikan dengan, 50.3%, 38.3% responden merupakan ibu tunggal yang telah kematian suami dan baki 11.5% adalah wanita yang masih bersuami dan sedang uzur serta tidak mampu untuk bekerja.




Sumber: Soal Selidik 2019

**Rajah 4.1.1(b): Kategori Responden**

### c. Bilangan Tanggungan Isi rumah

Rajah 4.1.1(c), data adalah berkaitan dengan bilangan tanggungan isi rumah. Majoriti responden mempunyai tanggungan isi rumah sebanyak 1 hingga 4 orang dengan peratusan sebanyak 69.9%, 22.4% dengan tanggungan 5 hingga 8 orang dan 1.6% dengan tanggungan sebanyak 9 – 11 orang. Hanya 6% responden sahaja yang tidak mempunyai tanggungan isi rumah.




Sumber: Soal Selidik 2019

**Rajah 4.1.1(c): Tanggungan Isi Rumah**

**d. Kategori Perniagaan**

Rajah 4.1.1(d) menerangkan berkaitan dengan kategori perniagaan peserta ibu tunggal yang terbahagi kepada tiga (3) iaitu iaitu perkhidmatan, makanan, pembuatan dan lain-lain. Majoriti ibu tunggal lebih cenderung membuka perniagaan berdasarkan makanan, 56.3% mewakili 103 orang berbanding perkhidmatan sebanyak 38.8%, mewakili 71 orang dan pembuatan 2.9% mewakili 40 orang. Selain itu, sebilangan ibu tunggal membuka beberapa jenis perniagaan dalam satu masa dengan menggunakan pinjaman modal dari Hijrah Selangor.




Sumber: Soal Selidik 2019

**Rajah 4.1.1(d): Kategori Perniagaan**

**e. Tempoh Penyertaan**

Rajah 4.1.1 (e) menunjukkan tempoh penyertaan responden dalam Skim Hijrah bagi tempoh 10 tahun kebelakang bermula pada tahun 2009 sehingga tahun 2019. Hasil kajian menunjukkan sebanyak 85.8% (157 orang) responden baharu menyertai skim ini bermula tahun 2015 sehingga 2019. Manakala hanya 14.2% (26 orang) responden telah menyertai skim ini bermula antara tahun 2009 sehingga 2014.




Sumber: Soal Selidik 2019

**Rajah 4.1.1(e): Tempoh Penyertaan**

**f. Julat Pendapatan**

Rajah 4.1.1(f) menunjukkan julat pendapatan sebelum dan selepas menyertai skim Hijrah dalam kangan responden ibu tunggal. Hasil dapatan menunjukkan majoriti responden mempunyai pendapatan di antara RM1,001 hingga RM5,000 iaitu sebanyak 55.7% (102 orang) responden sebelum menyertai skim dan 74.3% (136 orang) responden selepas menyertai skim. Terdapat kenaikan yang ketara pada julat pendapatan antara RM5,001 hingga RM10,000. Sebelum penyertaan skim Hijrah, sebanyak 1.1% (2 orang) responden mewakili pendapatan dalam julat ini dan telah meningkat kepada 9.3% responden selepas menyertai skim Hijrah Selangor.




Sumber: Soal Selidik 2019

**Rajah 4.1.1(f): Julat Pendapatan Responden**

**g. Lokasi Perniagaan**

Rajah 4.1.1(g) menunjukkan taburan lokasi perniagaan responden mengikut daerah di Selangor. Taburan ini juga mempengaruhi kekerapan agihan soal selidik diagihkan di satu-satu daerah. Majoriti responden mempunyai perniagaan di daerah Klang dengan peratusan sebanyak 31.7%. Manakala 16.9% responden mempunya perniagaan di sekitar Daerah Sabak Bernam dan diikuti Daerah Petaling sebanyak 15.3%, Daerah Sepang dan Kuala Selangor 12%, Daerah Gombak 5.5%, Daerah Hulu Langat dan Kuala Langat 2.7% dan Daerah Hulu Selangor mencatat peratusan terendah 1.1%. Majoriti responden membuka perniagaan di kawasan yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka.




Sumber: Soal Selidik 2019

Rajah 4.1.1(g): Lokasi Perniagaan Responden

#### 4.1.2 FAKTOR-FAKTOR PENYERTAAN PROGRAM HIJRAH SELANGOR SKIM MIKROKREDIT

Rajah 4.1.2 menerangkan beberapa faktor penting yang mendorong responden untuk menyertai program skim mikrokredit Hijrah Selangor. Dapatan menunjukkan bahawa faktor prosedur penyertaan yang mudah merupakan faktor yang paling utama yang mempengaruhi penyertaan ibu tunggal dalam program skim mikrokredit Hijrah Selangor dengan 86.3% diikuti tempoh kelulusan pinjaman yang singkat (72.1%), maklumat program yang meluas (58.5%), caj pembiayaan yang rendah (35.5%), kesedaran orang sekeliling terhadap program (27.3%) dan testimoni dari peserta yang berjaya adalah terendah (24.6%).



Sumber: Soal Selidik 2019

Rajah 4.1.2: Faktor Penyertaan Program Skim Mikrokredit Hijrah Selangor

## 4.2 ANALISIS INDIKATOR PEMBERDAYAAN

### 4.2.1 Ekonomi

Jadual 4.2.1 menerangkan keberkesanan program mikrokredit Hijrah Selangor terhadap ekonomi ibu tunggal yang mengambil skim mikrokredit Hijrah Selangor. Berdasarkan interpretasi skor min skala Likert empat mata yang digunakan, dapatan kajian menunjukkan bahawa kesan program ini terhadap pemberdayaan ibu tunggal di Selangor dari sudut ekonomi adalah di tahap sederhana dengan mencatatkan skor min sebanyak 3.23. Daripada enam aspek yang diukur berkaitan ekonomi, aspek ke lima (5) iaitu pembuatan keputusan isi rumah di mana hasil dapatan kajian menunjukkan majoriti ibu tunggal mampu serta berkuasa membuat keputusan isi rumah tanpa campur dari tangan pihak lain. Aspek ini telah mencatat skor paling tinggi iaitu dengan nilai min sebanyak 3.75.

Manakala skor min terendah adalah 2.52 iaitu aspek keempat (4) berkaitan pembelanjaan isi rumah selepas penyertaan program ini. Oleh itu, kajian menunjukkan majoriti responden hanya mampu mengeluarkan pembelanjaan tidak melebihi RM 5000 sebulan. Skor min kedua tertinggi adalah dari aspek ketiga (3) kepulihan ekonomi isi rumah dengan mencatatkan skor min sebanyak 3.70 turut diikuti aspek kedua (2) bayaran balik pinjaman secara konsisten seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Hijrah Selangor (3.67), aspek keenam (6) kemampuan membuat simpanan wang setiap bulan (3.13) dan aspek pertama (1) prestasi perniagaan (2.61).

**Jadual 4.2.1: Analisis Indikator Ekonomi**

Bil	Item	N	Kekerapan		Min (Purata)
			Negatif	Positif	
E1.	Bagaimana prestasi perniagaan anda sekarang ini?	183	95 (51.9)	88 (48.1)	2.61 (0.83)
E2.	Adakah pinjaman Skim Mikrokredit Hijrah Selangor dapat dibayar balik secara konsisten seperti yang telah ditetapkan?	183	20 (10.9)	163 (89.1)	3.67 (0.94)
E3.	Adakah ekonomi isi rumah anda kembali pulih setelah menjalankan perniagaan menggunakan modal dari Skim Mikrokredit Hijrah Selangor?	183	18 (9.8)	165 (90.2)	3.70 (0.90)
E4.	Pembelanjaan isi rumah anda sebulan selepas penyertaan program Skim Mikrokredit Hijrah Selangor.	183	64 (35.0)	119 (65.0)	2.52 (0.77)
E5.	Siapakah yang akan bertindak sebagai pembuat keputusan isi rumah?	183	21 (11.4)	162 (88.5)	3.75 (0.66)
E6.	Adakah anda mampu membuat simpanan wang pada setiap bulan?	183	53 (29.0)	130 (71.0)	3.13 (1.36)
<b>SKOR PURATA KESELURUHAN</b>					<b>3.23</b>

Nota : Berasaskan skala seperti berikut :1 Sangat tidak setuju; ; 2 Tidak setuju; 3 Setuju; 4 Sangat Setuju  
 Skala Skor Min; 1.00-1.50; Tiada kaitan; 1.51-2.50; Rendah; 2.51-3.50 Sederhana; 3.51-4.00; Tinggi (Riduan, 2012)  
 Sumber: Maklumat Soal selidik 2019

#### 4.2.2 Sosial

Jadual 4.2.2 menerangkan keberkesanannya program skim mikrokredit Hijrah Selangor terhadap indikator sosial ibu tunggal yang menyertai skim ini. Berdasarkan interpretasi skor min skala likert empat mata yang digunakan, dapatkan kajian menunjukkan bahawa kesan program mikrokredit Hijrah Selangor terhadap pemberdayaan ibu tunggal di Selangor dari sudut sosial adalah pada tahap sederhana dengan skor min 3.47. Daripada tiga aspek yang diukur dari sudut sosial, aspek pertama (1) iaitu aspek kesedaran pendidikan di mana majoriti ibu tunggal mempunyai kesedaran untuk memberi pendidikan kepada anak mereka di peringkat awal sebelum mencelik umur tujuh tahun. Hasil dapatan mencatatkan skor min aspek ini adalah yang tertinggi berbanding dua aspek yang lain dengan mencatatkan skor min sebanyak 3.73.

Manakala skor min terendah dari tiga aspek tersebut adalah 3.22 iaitu aspek kedua (2) iaitu tahap komunikasi dengan masyarakat sekeliling. Walaubagaimanapun bacaan skor masih menunjukkan di tahap sederhana (2.51- 3.50). Manakala aspek semangat keakraban dan kesatuan dengan masyarakat sekeliling mencatatkan skor min 3.45. Antara aspek yang dinyatakan berkaitan sosial adalah (1) kesedaran terhadap pendidikan anak, (2) komunikasi dengan masyarakat sekeliling, (3) semangat keakraban dan kesatuan dengan masyarakat sekeliling.

Bil	Item	N -	Kekerapan		Min (Purata)
			Tidak Setuju	Setuju	
D1.	Anda mempunyai anak berumur 6 tahun ke atas yang belum bersekolah.	183	16 (8.7)	167 (91.3)	3.73 (0.85)
D2.	Saya aktif berkomunikasi dalam sesebuah program atau kumpulan aktiviti mahupun dengan masyarakat sekeliling.	183	38 (20.7)	145 (79.3)	3.22 (0.81)
D3.	Saya mempunyai semangat keakraban dan kesatuan dengan masyarakat sekeliling saya.	183	20 (10.9)	163 (89)	3.45 (0.68)
			<b>SKOR PURATA KESELURUHAN</b>		<b>3.47</b>

Nota : Berasaskan skala seperti berikut :1 Sangat tidak setuju; ; 2 Tidak setuju; 3 Setuju; 4 Sangat Setuju  
Skala Skor Min; 1.00-1.50; Tiada kaitan; 1.51-2.50; Rendah; 2.51-3.50 Sederhana; 3.51-4.00; Tinggi (Riduan, 2012)

Sumber: Maklumat Soal selidik 2019

### 4.2.3 Psikologi

Jadual 4.2.3 menerangkan keberkesanan program mikrokredit Hijrah Selangor terhadap psikologi ibu tunggal yang menyertai skim mikrokredit Hijrah Selangor. Berdasarkan interpretasi skor min skala Likert empat mata yang digunakan, dapatan kajian menunjukkan bahawa kesan program ini terhadap pemberdayaan ibu tunggal di Selangor dari sudut psikologi mencapai tahap yang tinggi iaitu dengan skor min sebanyak 3.64. Analisa keputusan ini menunjukkan program skim mikrokredit Hijrah Selangor telah memberi kesan dan impak positif terhadap indikator psikologi ibu tunggal. Daripada tujuh aspek yang diukur dari sudut psikologi, aspek ke lima (5) iaitu perasaan bahagia dengan kehidupan kini dan ingin terus berjaya dalam hidup telah mencatat skor paling tinggi dengan skor min 3.70. Manakala skor min terendah adalah 3.60 iaitu aspek kedua (2) responden merasakan mereka mempunyai kemahiran tersendiri. Walaubagaimanapun bacaan skor masih menunjukkan ianya masih di tahap yang tinggi (3.51 - 4.00).

Selain itu, keseluruhan aspek berkaitan psikologi mencatat nilai min yang tinggi dimana kekerapan responden yang bersetuju dengan pernyataan yang diberi iaitu dalam lingkungan 94.6 % sehingga 98.9 % responden. Antara aspek yang dinyatakan berkaitan psikologi adalah (1) keyakinan terhadap kemampuan diri, (2) mempunyai kemahiran tersendiri, (3) kemahiran semakin meningkat, (4) mampu mengubah nasib hidup keluarga, (5) bahagia dengan kehidupan kini dan ingin berjaya dalam hidup demi kesejahteraan diri, keluarga dan masyarakat, (6) ingin dihormati (7) disayangi oleh masyarakat sekeliling.

### Jadual 4.2.3 Analisis Indikator Psikologi

Bil	Item	N	Kekerapan		Min (Purata)
			Tidak Setuju	Setuju	
C1.	Saya yakin dengan kemampuan diri untuk melaksanakan pekerjaan.	183	4 (2.1)	179 (97.8)	3.62 (0.55)
C2.	Saya mempunyai kemahiran tersendiri.	183	10 (5.5)	173 (94.6)	3.60 (0.60)
C3.	Saya merasakan kemahiran dalam diri saya meningkat dengan baik.	183	4 (2.2)	179 (97.8)	3.63 (0.53)
C4.	Saya mampu mengubah nasib hidup keluarga saya.	183	7 (3.8)	176 (96.2)	3.66 (0.55)
C5.	Saya bahagia dengan kehidupan saya kini serta ingin berjaya dalam hidup demi kesejahteraan diri, keluarga dan masyarakat.	183	5 (2.7)	178 (97.2)	3.70 (0.54)
C6.	Saya ingin dihormati terutama dengan masyarakat terdekat.	183	8 (4.4)	175 (95.7)	3.63 (0.60)
C7.	Saya disayangi oleh masyarakat sekeliling saya.	183	2 (1.1)	181 (98.9)	3.67 (0.50)
<b>SKOR PURATA KESELURUHAN</b>					<b>3.64</b>

Nota : Berasaskan skala seperti berikut :1 Sangat tidak setuju; 2 Tidak setuju; 3 Setuju; 4 Sangat Setuju  
 Skala Skor Min; 1.00-1.50; Tiada kaitan; 1.51-2.50; Rendah; 2.51-3.50 Sederhana; 3.51-4.00; Tinggi (Riduwan, 2012)  
 Sumber: Maklumat Soal selidik 2019

### **4.3 PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN**

Jadual 4.3 menerangkan berkaitan tahap pengurusan dan pemantauan pihak Hijrah Selangor terhadap peserta ibu tunggal. Berdasarkan interpretasi skor min skala likert empat mata yang digunakan, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengurusan dan pemantauan Hijrah Selangor adalah sederhana iaitu dengan mencatatkan skor min sebanyak 3.40.

Daripada sembilan aspek yang diukur berkaitan pengurusan dan pemantauan, aspek ke sembilan (9) iaitu pegawai hijrah telah memberi layanan yang baik tanpa diskriminasi telah mencatatkan skor min paling tinggi (3.57) berbanding aspek yang lain. Manakala skor min terendah adalah dari aspek yang pertama (1) keberkesanan latihan yang diberi oleh Hijrah Selangor dengan mencatatkan skor min sebanyak 3.03. Walaubagaimanapun, skor min terendah ini masih di tahap sederhana.

Skor min kedua tertinggi adalah dari aspek ketiga (3) kepuasan terhadap layanan yang diberi dengan mencatatkan skor min sebanyak 3.56 turut diikuti aspek kelapan (8) maklum balas yang baik dari pegawai Hijrah (3.53), aspek keenam (6) yakin dengan pengalaman yang dimiliki oleh pegawai Hijrah (3.46), aspek ketujuh (7) yakin bahawa pegawai Hijrah diberi laithan yang mencukupi dalam memahami keperluan penerima bantuan (3.45), aspek keempat (4) dan lima (5) saluran aduan yang mudah dan tindakan yang pantas apabila diperlukan (3.43) dan aspek kedua (2) kekerapan pemantauan oleh pegawai Hijrah (3.16).

**Jadual 4.2.3 Analisis Indikator Psikologi**

Bil	Item	N	Kekerapan		Min (Purata)
			Tidak Setuju	Setuju	
1.	Latihan yang diberi adalah berkesan.	183	44 (24.0)	139 (75.9)	3.03 (0.82)
2.	Kekerapan pemantauan oleh pegawai Hijrah.	183	31 (16.9)	152 (83.1)	3.16 (0.82)
3.	Layanan yang diberi adalah memuaskan.	183	8 (4.4)	175 (95.7)	3.56 (0.58)
4.	Saluran aduan yang mudah.	183	14 (12.1)	169 (92.3)	3.43 (0.65)
5.	Tindakan pihak Hijrah yang pantas apabila diperlukan.	183	12 (6.5)	17 (93.5)	3.43 (0.63)
6.	Saya yakin dengan pengalaman yang dimiliki oleh pegawai Hijrah.	183	11 (6.0)	172 (94.0)	3.46 (0.64)
7.	Saya yakin pegawai Hijrah mempunyai latihan yang mencukupi dalam memahami keperluan penerima bantuan.	183	12 (6.6)	171 (93.5)	3.45 (0.62)
8.	Saya merasakan bahawa pegawai Hijrah memberikan maklumbalas yang baik.	183	6 (3.3)	177 (96.7)	3.53 (0.56)
9.	Saya berasa pegawai Hijrah memberikan layanan yang baik tanpa diskriminasi.	183	5 (2.7)	178 (97.3)	3.57 (0.59)
<b>SKOR PURATA KESELURUHAN</b>					<b>3.40</b>

Nota : Berasaskan skala seperti berikut : 1 Sangat tidak setuju; ; 2 Tidak setuju; 3 Setuju; 4 Sangat Setuju  
 Skala Skor Min; 1.00-1.50; Tiada kaitan; 1.51-2.50; Rendah; 2.51-3.50 Sederhana; 3.51-4.00; Tinggi (Riduwan, 2012)  
 Sumber: Maklumat Soal selidik 2019

#### **4.4 KEBERKESANAN PROGRAM**

Jadual 4.4 menerangkan berkaitan tahap keberkesanan program Mikrokredit Hijrah Selangor terhadap pemberdayaan ibu tunggal. Berdasarkan interpretasi skor min skala Likert empat mata yang digunakan, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap keberkesanan program adalah tinggi iaitu dengan mencatat skor min sebanyak 3.61. Daripada lima aspek yang diukur berkaitan keberkesanan program ini, aspek ke empat (4) responden merasakan bahawa program mikrokredit Hijrah Selangor patut disertai oleh semua ibu tunggal telah mencatatkan skor min yang paling tinggi (3.70) berbanding aspek yang lain.

Manakala skor min terendah adalah dari aspek yang ketiga (3) iaitu program mikrokredit Hijrah Selangor membantu individu dalam membasmi kemiskinan dengan mencatatkan skor min sebanyak 3.56. Walaubagaimanapun, skor min terendah ini masih di tahap yang tinggi. Skor min kedua tertinggi mencatatkan skor min sebanyak 3.65 iaitu dari aspek kelima (5) responden yakin bahawa program ini berjaya dalam menangani isu kemiskinan di kalangan ibu tunggal turut diikuti aspek pertama (1) dan kedua (2) iaitu responden yakin bahawa program ini berkesan dalam meningkatkan pendapatan dan mampu mengubah hidup mereka (3.57).

**Jadual 4.4 : Analisis Tahap keberkesanan program Skim Mikrokredit Hijrah Selangor**

Bil	Item	N	Kekerapan		Min (Purata)
			Tidak Setuju	Setuju	
1.	Saya rasa program mikrokredit Hijrah Selangor adalah berkesan dalam meningkatkan pendapatan saya.	183	6 (3.3)	177 (96.7)	3.57 (0.56)
2.	Saya yakin dengan program mikrokredit Hijrah Selangor mampu mengubah hidup saya.	183	7 (3.8)	176 (96.1)	3.57 (0.59)
3.	Saya rasa bahawa program mikrokredit Hijrah Selangor banyak membantu saya dalam membasmi kemiskinan.	183	9 (4.9)	174 (95.1)	3.56 (0.59)
4.	Saya rasa bahawa program mikrokredit Hijrah Selangor merupakan program yang patut disertai oleh semua ibu tunggal.	183	6 (3.3)	44 (96.7)	3.70 (0.53)
5.	Saya yakin bahawa program mikrikredit Hijrah Selangor merupakan program yang berjaya dalam menangani isu kemiskinan di kalangan ibu tunggal.	183	5 (2.7)	178 (97.3)	3.65 (0.53)
			<b>SKOR PURATA KESELURUHAN</b>	<b>3.61</b>	

Nota : Berasaskan skala seperti berikut : 1 Sangat tidak setuju; 2 Tidak setuju; 3 Setuju; 4 Sangat Setuju Skala Skor Min; 1.00-1.50; Tiada kaitan; 1.51-2.50; Rendah; 2.51-3.50 Sederhana; 3.51-4.00; Tinggi (Riduan, 2012)

Sumber: Maklumat Soal selidik 2019

## 4.5 ANALISIS EMPIRIKAL

Jadual 4.5 melaporkan keputusan analisis regresi linear terhadap hubungan tahap keberkesanan program mikrokredit dan indikator pemberdayaan ibu tunggal di Selangor dari perspektif ekonomi, sosial dan psikologi.

**Jadual 4.5: Keputusan Regresi Linear  
(Pembolehubah Bersandar adalah Keberkesanan Program)**

	Model 1	Model 2	Model 3
<i>Eko</i>	0.062	-0.003	-
<i>Sos</i>	0.212***	0.095*	-
<i>Psi</i>	0.504***	0.282***	-
<i>FP</i>	-	0.442***	0.469***
<i>IESP</i>	-	-	0.589***
<i>Adjusted R<sup>2</sup></i>	0.338	0.485	0.474

\*\*\*, \*\* dan \* masing-masing merujuk kepada aras signifikan 1%, 5% dan 10%

Model 1 menunjukkan dua (2) faktor pemberdayaan ibu tunggal iaitu sosial dan psikologi adalah positif dan signifikan di mana kedua-dua koefisien sosial dan psikologi signifikan pada aras 1%. Walau-bagaimanapun koefisien faktor ekonomi didapati tidak signifikan dalam model 1 dan model 2. Koefisien faktor ekonomi yang tidak signifikan adalah berkemungkinan dipengaruhi oleh tempoh dan keadaan ekonomi yang tidak memberangsangkan semasa kajian soal selidik ini dijalankan.

Koefisien faktor psikologi didapati positif dan signifikan pada aras 1% dalam model 2. Manakala koefisien faktor sosial juga adalah signifikan namun pada aras 10%. Ini menunjukkan bahawa faktor psikologi dan faktor sosial berhubungan positif dengan keberkesanan program. Keberkesanan program mikrokredit ini meningkat apabila tahap psikologi dan sosial meningkat. Faktor psikologi menunjukkan tahap penglibatan yang tinggi dalam mengukur keberkesanan program. Manakala koefisien faktor pengurusan sebagai pembolehubah kajian didapati positif dan signifikan dalam kedua-dua model 1 dan model 2. Analisis kajian ini juga menunjukkan bahawa tahap pemberdayaan keseluruhan responden sangat berkait rapat dengan faktor psikologi, sosial dan pengurusan.

Manakala di dalam model 3, koefisien indeks (IESP) yang mewakili faktor ekonomi, sosial dan psikologi adalah positif dan signifikan pada aras 1% di samping koefisien faktor pengurusan juga adalah positif dan signifikan pada aras 1%. Ini menunjukkan bahawa keberkesanan program sangat dipengaruhi oleh indeks pemberdayaan ibu tunggal yang mewakili faktor ekonomi, sosial dan psikologi di samping faktor pengurusan juga menyumbang kepada keberkesanan program. Dalam perspektif yang lain, berdasarkan keputusan regresi di dalam model 3 menunjukkan tahap dan indeks pemberdayaan ibu tunggal yang tinggi akan mempengaruhi keberkesanan program mikrokredit yang tinggi. Begitu juga tahap pengurusan yang tinggi menyumbang kepada keberkesanan program yang tinggi.

Ini bermaksud, jika tahap pemberdayaan ibu tunggal meningkat melalui tahap ekonomi, sosial dan psikologi disamping faktor pengurusan yang tinggi, ia akan menyumbang secara positif terhadap keberkesanan program mikrokredit.

## RUMUSAN

Kesimpulannya, bab ini merupakan bahagian yang penting kerana ia memastikan samada proses kajian berjalan dengan jayanya atau tidak. Bab ini juga menerangkan secara terperinci berkaitan kaedah-kaedah pengumpulan dan teknik menganalisis data.

## BAB 5

### RUMUSAN DAN CADANGAN

#### 5.0 PENGENALAN

Bab ini merupakan bab terakhir yang membincangkan dapatan dan hasil kajian yang telah dibentangkan dalam Bab 4 bagi menjawab objektif yang telah digariskan pada peringkat awal kajian. Bab ini juga merumuskan hasil kajian yang telah dilaksanakan dan pengkaji mengemukakan beberapa cadangan penambahbaikan yang wajar diutarakan sebagai reflex kepada keseluruhan kajian. Ia juga boleh dijadikan panduan atau kayu pengukur kepada program mikrokredit pada masa akan datang.

#### 5.1 KESIMPULAN KAJIAN

##### 5.1.1 Pencapaian Objektif

**Objektif 1:** Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penyertaan ibu tunggal dengan program Mikrokredit Hijrah Selangor.

Hasil kajian daripada analisis deskriptif mendapati, faktor yang paling mempengaruhi dan mendorong ibu tunggal yang memerlukan dana perniagaan untuk menyertai skim mikrokredit Hijrah Selangor, adalah berdasarkan turutan yang berikut:

1. Prosedur penyertaan yang mudah.
2. Tempoh kelulusan pinjaman yang singkat.
3. Penyebaran maklumat yang meluas dan berkesan.
4. Caj pembiayaan yang rendah.
5. Kesedaran dari individu sekeliling terhadap program mikrokredit Hijrah Selangor.
6. Testimoni daripada peserta yang telah berjaya.

**Objektif 2:** Menganalisa pemberdayaan ibu tunggal berdasarkan indikator pemberdayaan; ekonomi, sosial dan psikologi ekoran penyertaan dalam program mikrokredit Hijrah Selangor.

Dapatan kajian berdasarkan analisis regresi berkenaan tahap pemberdayaan ibu tunggal yang diukur melalui tiga (3) dimensi iaitu ekonomi, sosial dan psikologi menunjukkan indikator sosial dan psikologi merupakan dua (2) indikator yang paling menyumbang kepada kepada tahap pemberdayaan wanita setelah menyertai program mikrokredit Hijrah Selangor. Mereka lebih yakin terhadap kemampuan diri, mempunyai kemahiran tersendiri serta kemahiran yang semakin meningkat, dan yang lebih penting mampu untuk mengubah nasib hidup keluarga.

Manakala dimensi ekonomi didapati tidak menyumbang kepada kepada tahap pemberdayaan wanita dalam kajian ini disebabkan oleh situasi ekonomi yang tidak menentu semasa proses pengumpulan data dijalankan. Dapatan ini adalah konsisten dengan kajian oleh S.Sarumathi & K. Mohan (2011), yang menyatakan bahawa keterlibatan wanita dalam program mikrokredit ini menyumbang kepada pemberdayaan dari sudut psikologi mereka. Aspek ini mewakili keyakinan diri, kemahiran, kesedaran terhadap kepentingan pendidikan dan persekitaran.

**Objektif 3:** Mengukur tahap keberkesanan program terhadap ibu tunggal yang menyertai program mikrokredit Hijrah Selangor.

Tahap keberkesanan program mikrokredit diukur melalui tahap pemberdayaan ibu tunggal melalui tiga (3) dimensi iaitu ekonomi, sosial dan psikologi. Kajian ini telah wewujudkan indeks keberkesanan program melalui pembentukan indeks IESP, merangkumi tiga (3) dimensi, ekonomi, sosial dan psikologi yang mewakili pemberdayaan ibu tunggal.

Berdasarkan kepada dapatan kajian melalui analisis regresi, indeks IESP mempunyai hubungan yang positif terhadap keberkesanan program. Ia juga mendapat tahap keberkesanan program adalah tinggi apabila tahap dan indeks yang diukur melalui tiga (3) dimensi pemberdayaan ibu tunggal iaitu ekonomi, sosial dan psikologi berada pada tahap yang tinggi.

Faktor pengurusan juga turut menyumbang kepada tahap keberkesanan program mikrokredit. Ini bermaksud, jika tahap pemberdayaan ibu tunggal meningkat melalui tahap ekonomi, sosial dan psikologi di samping faktor pengurusan yang lebih mantap, ia akan menyumbang secara positif terhadap keberkesanan program mikrokredit.

**Objektif 4:** Mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan program mikrokredit Hijrah Selangor ke arah pemberdayaan ibu tunggal yang lebih mampan.

Pelbagai maklumbalas telah diterima daripada responden kajian melalui soal selidik yang telah dilakukan. Hasil kajian ini mendapati pihak responden bersikap terbuka dalam memberikan komen samada yang bersifat positif atau negatif berdasarkan pengalaman penyertaan dalam skim ini. Mereka juga turut memberikan cadangan bagi tujuan penambahbaikan skim untuk dilihat semula oleh pihak pengurusan skim mikrokredit Hijrah ini.

Bertepatan dengan hasrat dan inisiatif kerajaan Selangor memperkenalkan skim ini bagi membantu meningkatkan taraf hidup, beberapa responden telah memberikan maklum balas yang sangat positif dan berpuas hati setelah menyertai skim ini. Mereka menyatakan dengan penyertaan skim mikrokredit Hijrah, ia dapat membantu golongan yang memerlukan terutamanya ibu tunggal untuk meneruskan kehidupan yang lebih baik. Selain itu, ada dalam kalangan responden yang mampu membeli aset peribadi sendiri seperti rumah setelah setahun menyertai skim ini. Mereka sangat menggalakkan agar lebih ramai yang memerlukan menyertai skim mikrokredit Hijrah untuk membaiki taraf hidup sedia ada. Mereka tidak menghadapi sebarang masalah dengan skim ini dan turut berpuas hati dari aspek pengurusan. Antara maklumbalas yang diterima mereka menyatakan pegawai kutipan yang bertugas adalah bagus, sabar dalam melayan karenah peminjam dan sentiasa membuat pemantauan ke lokasi perniagaan peminjam.

Namun demikian, terdapat beberapa responden yang meluahkan rasa tidak puas hati dengan penetapan kekerapan tempoh masa pembayaran balik pinjaman semasa. Kekerapan tempoh pembayaran balik setiap minggu yang telah ditetapkan serta kadar bayaran balik samada secara mingguan atau bulanan yang terlalu tinggi dilihat telah memberi sedikit tekanan kepada peminjam. Mereka agak terbeban dan menyatakan penyertaan mereka dalam skim ini adalah tidak berbaloi. Selain daripada itu, ada beberapa responden merasakan dana pinjaman yang diterima daripada skim ini tidak memberikan impak perbezaan kenaikan yang ketara pada pendapatan mereka. Ia hanya sekadar membantu mereka membuat pertambahan pembelian stok sahaja dan akhirnya mereka terikat serta terbeban untuk membuat bayaran balik secara mingguan.

Responden juga melihat aspek pengurusan memainkan peranan dalam skim mikrokredit Hijrah ini. Terdapat dua maklumbalas yang diterima berkaitan dengan aspek pengurusan Hijrah Selangor:

### **1. Pegawai Hijrah Selangor**

Berkaitan dengan aspek ketelusan pegawai Hijrah yang dilantik dalam melaksanakan tanggungjawab. Responden merasakan pegawai yang dilantik tidak mengikut prosedur yang ditetapkan. Ini kerana, terdapat responden yang tidak berpuas hati walaupun beliau memohon untuk mendapatkan pinjaman wang tetapi hanya diberikan mesin kerja sahaja dan baki pinjaman yang sepatutnya diberikan tidak diterima sehingga sekarang. Kekeliruan pada harga mesin yang diberikan juga timbul apabila pihak pegawai skim ini telah menetapkan harga mesin lebih tinggi daripada harga pasaran. Ini memberi kesan kepada jumlah lebihan pinjaman yang sepatutnya diterima semakin berkurangan.

### **2. Kelulusan Jumlah Pinjaman**

Perkara kedua adalah berkaitan kelulusan pinjaman. Responden berasa tidak puas hati dengan pemilihan kelulusan pinjaman bagi peminjam yang memohon. Responden ini berpandangan sepatutnya pihak pengurusan Hijrah perlu meluluskan pinjaman kepada individu yang betul-betul memerlukan dan mempercepatkan tempoh semakan kelulusan pinjaman.

Terdapat juga situasi di mana pihak pengurusan skim mikrokredit Hijrah telah memberikan kelulusan pinjaman dengan jumlah modal yang banyak pada kenalan terdekat atau merujuk kepada individu yang dikenali walaupun pemohon tersebut dikategorikan sebagai golongan berkemampuan.

## 5.2 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Berdasarkan hasil dan dapatan kajian, beberapa cadangan diketengahkan sebagai implikasi dasar untuk meningkatkan pemberdayaan dan keberkesanan skim mikrokredit Hijrah Selangor.

### **Cadangan 1: Kemaskini Rekod Peserta**

Ke arah pelaksanaan pemantauan yang lebih berkesan dan sistematik, pihak pengurusan Hijrah Selangor perlu mengemaskini data ibu tunggal atau peserta skim mikrokredit Hijrah. Pengemaskinian data terperinci merupakan proses yang amat penting bagi memudahkan pihak yang berkepentingan untuk mengakses maklumat dengan tepat. Di samping itu pentadbiran dan pengurusan rekod yang sistematik dan terkini akan memudahkan pihak Hijrah sendiri untuk mengenalpasti peserta yang tidak mempunyai rekod bayaran yang memuaskan.

### **Cadangan 2: Siri Latihan dan Kemahiran Komprehensif**

Bagi memantapkan ilmu asas dan mengelakkan kegagalan perniagaan, pihak pengurusan Hijrah Selangor perlu menganjurkan beberapa siri bengkel komprehensif khusus berkaitan pendidikan asas perniagaan, pelan dan strategi perniagaan, kajian pasaran dan pengurusan pentadbiran perniagaan serta kewangan dalam kalangan ibu tunggal khususnya dan peserta skim Hijrah amnya.

### **Cadangan 3: Menilai dan Memperkasakan Proses Pemberian Pinjaman**

Proses permohonan dan kelulusan pinjaman dipermudahkan serta lebih telus. Bagi peminjam sedia ada yang mempunyai rekod pembayaran baik dan konsisten, diberi kelulusan pinjaman seterusnya dengan mudah. Justeru, pihak Hijrah Selangor perlu mengenalpasti secara terperinci punca serta proses yang perlu diperbaiki dan dipertingkatkan. Aspek yang perlu diberi penekanan adalah bermula daripada latihan komprehensif kepada para pegawai terlibat, proses penilaian dan kelulusan pinjaman serta kaedah kutipan pinjaman yang lebih sistematik. Proses yang sistematik dan berkesan dijangka mampu mengurangkan kadar tuggak tegar.

### **Cadangan 4: Pengurusan Kewangan Peserta**

Didapati, kebanyakan peserta memberi maklumbalas tentang masalah kewangan dan jualan yang agak tidak konsisten, isu ini mungkin menyumbang kepada masalah bayaran balik. Maka, untuk menangani isu ini, pihak pengurusan Hijrah perlu mewajibkan peserta yang meminjam dana mewujudkan rekod pendapatan dan perbelanjaan mereka. Sekurang - kurangnya rekod ini akan menjadi kayu pengukur kepada sejauhmana peserta telah berjaya menguruskan kewangan mereka dengan lebih sistematik. Keadaan pengurusan kewangan yang sistematik akan menyumbang kepada proses bayaran balik yang konsisten.

### **Cadangan 5: Sistem Bayaran Balik yang Sistematik dan Terkini**

Berkaitan dengan sistem dan proses pembayaran balik pinjaman, dicadangkan beberapa langkah efektif perlu diambil oleh pihak Hijrah Selangor untuk meningkatkan kecekapan pengurusan, selaras dengan kemajuan teknologi kewangan masa kini.

- (i) Menyediakan saluran pembayaran yang lebih mudah dan efisyen di mana peminjam tidak perlu hadir ke pejabat Hijrah setiap minggu hanya untuk tujuan membuat pembayaran balik pinjaman. Di antara kaedah yang dicadangkan adalah pembayaran secara atas talian atau e-pay.
- (ii) Mewujudkan sistem pembayaran di mana peminjam boleh membuat semakan baki pembayaran balik pinjaman.
- (iii) Menambahbaik tempoh ansuran pembayaran balik pinjaman. Justeru, hasil maklumbalas, dicadangkan supaya tempoh ansuran bayaran balik dibuat secara bulanan iaitu sekali setiap bulan.

### **Cadangan 6: Meluaskan Jenis Produk dan Perkhidmatan**

Responden juga melihat penawaran skim mikrokredit Hijrah ini tidak hanya tertumpu pada skop individu yang memerlukan dana bagi tujuan pinjaman untuk memulakan perniagaan sahaja, tetapi boleh diperkenalkan juga skim pembiayaan perumahan atau Ar Rahnu.

Responden juga berpandangan pihak pengurusan Hijrah bukan hanya menyediakan platform untuk peminjam mendapatkan modal semata-mata tetapi juga dapat membantu dalam menyediakan tapak-tapak perniagaan bagi para peniaga kecil.

### **Cadangan 7: Kempen Kesedaran Secara Berterusan**

Mewujudkan kesedaran dalam kalangan peserta skim Hijrah, bahawa jangan terlalu bergantung kepada amalan meminjam. Pinjaman yang tidak dapat diuruskan dengan baik, akhirnya akan memberi kesan buruk kepada peminjam.

Penambahbaikan yang berterusan terhadap program Hijrah ini mampu memberi impak yang besar terhadap peningkatan taraf hidup, proses pemberdayaan khususnya ibu tunggal dan pembangunan ekonomi negeri Selangor.

### 5.3 CADANGAN UNTUK KAJIAN MASA HADAPAN

Berdasarkan kepada kajian yang telah dilakukan serta mengambil kira pandangan responden, maka pihak pengkaji ingin mengutarakan beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan pada masa akan datang:

- (i) Kajian akan datang boleh dilaksanakan dengan melihat kepada faktor-faktor kejayaan lain yang mempengaruhi pertumbuhan dan kejayaan usahawan bumiputra dalam usaha mengembangkan perniagaan berskala kecil ke peringkat seterusnya.
- (ii) Kajian berkaitan mikrokredit perlu diteruskan bagi memastikan sistem dan proses pelaksanaan skim ini dapat memenuhi keperluan golongan yang benar-benar memerlukan suntikan modal, khususnya golongan bumiputra.
- (iii) Menilai dan mengkaji berkaitan proses atau kaedah kutipan bayaran yang lebih sistematik dan berkesan bagi mencegah hutang lapuk dalam kalangan peserta

### 5.4 PENUTUP

Secara keseluruhannya, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti keberkesanan program Hijrah Selangor terhadap pemberdayaan ibu tunggal, dan memberi gambaran secara jelas kepada semua pihak yang berkepentingan. Umumnya, transformasi dalam sesebuah masyarakat bermula daripada kaum wanita kerana golongan ini merupakan batu asas kepada sesebuah institusi kekeluargaan.

Untuk mencapai pemberdayaan yang lebih jitu, program mikrokredit yang dilaksanakan perlu disokong padu oleh beberapa aspek lain seperti latihan, kemahiran dan peluang pendidikan kepada golongan ibu tunggal. Ini merujuk kepada peluang untuk mendapatkan pendidikan jangka panjang (life-long learning) berbanding pendidikan berasaskan sekolah. Pelbagai aktiviti pembangunan, latihan teknikal dan vokasional perlu disediakan sebagai usaha ke arah meningkatkan pemberdayaan wanita. Wanita yang berdaya mampu untuk mengubah keluarga, seterusnya membawa perubahan yang sangat hebat kepada masyarakat dan ekonomi secara keseluruhannya.

## RUJUKAN

### JOURNALS

Abdullah-Al-Mamun, A., Wahab, S.A. and Malarvizhi, C.A. (2011), "Examining the effect of microcredit on employment in Peninsular Malaysia", *Journal of Sustainable Development*, Vol. 4 No. 2, pp. 174-183.

Ab-Rahim, R., Shah, S.-U.-M., & Raki, S. (2018). Impacts of NGOs Microfinance on Women Empowerment in Northern Pakistan. *International Journal of Academi Research in Business and Social Sciences*, 8(12), 1–13. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v8-i12/4987>

Adjei, J.K., Arun, T. and Hossain, F. (2009), "The role of microfinance in asset building and poverty reduction: the case of Sinapi Aba Trust of Ghana", Working paper, Brooks World Poverty Institute, Manchester.

Ahmad, N. M., & Ahmad, M. M. (2016). Role of microcredit towards socioeconomic empowerment of Pakistani Urban women. *Anthropologist*, 26(3), 189–197. <https://doi.org/10.1080/09720073.2016.11892148>.

Al-Shami, S. S. A., Majid, I. B. A., Rashid, N. A., & Hamid, M. S. R. B. A. (2014). Conceptual framework: The role of microfinance on the wellbeing of poor people cases studies from Malaysia and Yemen. *Asian Social Science*, 10(1), 230.

Al-Shami, S. S. A., Majid, I., Mohamad, M. R., & Rashid, N. (2017). Household welfare and women empowerment through microcredit financing: Evidence from Malaysia microcredit. *Journal of Human Behavior in the Social Environment*, 27(8), 894–910. <https://doi.org/10.1080/10911359.2017.1345341>.

Al-Shami, Sayed Samer & M. Razali, R & Rashid, Nurulizwa. (2017). The Effect of Microcredit on Women Empowerment in Welfare and Decisions Making in Malaysia. *Social Indicators Research*. 10.1007/s11205-017-1632-2.

Ashraf, N., Karlan, D., & Yin, W. (2008). Female Empowerment: Impact of a Commitment Savings Product in the Philippines (No. Center Discussion Paper no. 949). New Haven.

Banerjee A. V., Duflo E., Glennerster R., Kinnan C. (2015). The miracle of microfinance: Evidence from a randomized evaluation. *American Economic Journal: Applied Economics*. 7(3) 22–53.

Barnes, C., Gaile, G. and Kibombo, R. (2001), "The impact of three microfinance programs in Uganda development experience clearinghouse", Working paper, USAID, Washington, DC.

Basargekar, P. (2009). Microcredit and a macro leap: An impact analysis of Annapurna Mahila Mandal (AMM), an urban microfinance institution in India. *Journal of Financial Economics* 7(1), 105– 120.

Bateman, M. (2010), *Why Doesn't Microfinance Work? The Destructive Rise of Local Neoliberalism*, Zed Books, New York, NY.

Batool, S.A., Ahmed, H.K., and Qureshi, S.N (2016), Economic and Psycho-social Determinants of Psychological Empowerment in Women, *Pakistan Journal of Social and Clinical Psychology* 2016, Vol. 14, No.1, 21-29.

Bismark Addai. Women Empowerment through Microfinance: Empirical Evidence from Ghana. *Journal of Finance and Accounting*. Vol. 5, No. 1, 2017, pp. 1-11. doi: 10.11648/j.jfa.20170501.11.

Blumberg, R. L. (2005). Women's Economic Empowerment as the "Magic Potion" of Development? (Paper presented at the 100th Annual Meeting of the American Sociological Association). Philadelphia.

Brannen, C. (2010), "An impact study of the village savings and loan association (VSLA) program in Zanzibar, Tanzania" , BA Dissertation, Wesleyan University, Middletown, CT.

Burra, N., Deshmukh-Ranadive, J., & Murthy, R. K. (2005). Micro-credit, poverty and empowerment: Linking the triad (1st ed). New Delhi: Sage Publications.

Casey M, Saunders J, O'HARA T. Impact of critical social empowerment on psychological empowerment and job satisfaction in nursing and midwifery settings. *Journal of Nursing Management*. 2010;18:24-34.

Yusoff, D., Omar, M.Z., & Hassan, F.A. (2017). The Role of Microfinance In The Economic Performance of Petty Traders in Penang: The Case of Programs Titian Saksama Rakyat by Penang Development Corporation. *Asian Journal For Poverty Studies* 3(1): 30 – 37.

Dash, M., Mahendra, P., Koshy, C. Women empowerment through microfinance services (2016) *Journal of Applied Management and Investments*, 5 (1), pp. 20-25.

Duflo, E. (2012). Women empowerment and economic development. *Journal of Economic Literature*, 50 (4): 1051-79.

Dupas, P. and Robinson, J. (2013), "Savings constraints and microenterprise development: evidence from a field experiment in Kenya", *American Economic Journal: Applied Economics*, Vol. 5 No. 1, pp. 163-192.

Ekpe, I., Mat, N. B., & Razak, R. C. (2010). The effect of microfinance factors on women entrepreneurs' performance in Nigeria: A conceptual framework. *International Journal of Business and social science*, 1(2).

Ferdousi, F. (2015), "Impact of microfinance on sustainable entrepreneurship development", *Development Studies Research*, Vol. 2 No. 1, pp. 51-63.

Fofana, B.N., Antonides, G., Niehof, A. and van Ophem, J.A.C. (2015), "How microfinance empowers women in co'te d'Ivoire", *Review of Economics of the Household*, Vol. 13 No. 4, pp. 1023-1041.

Francina. P. X. 1 and Mary Venus Joseph (2013), Women Empowerment: The Psychological Dimension, Rajagiri Journal of Social Development, Volume 5, Number 2, December 2013.

Hansen, N. (2015). The development of psychological capacity for action: The empowering effect of a microfinance programme on women in Sri Lanka. *Journal of Social Work*, 21(71), 597–613.

Hashemi, S. M., & Rosenberg, R. (2006). Graduating the Poorest into Microfinance: Linking Safety Nets and Financial Services (Focus Note No. 32). Washington, DC: Consultative Group to Assist the Poor (CGAP).

Henry, H.M. (2011), “Egyptian women and empowerment: a cultural perspective”, *Women’s Studies International Forum*, Vol. 34 No. 3, pp. 251-259.

Herath, H. M. W. A., Guneratne, L. H. P., & Sanderatne, N. (2015). Impact of microfinance on women ’ s empowerment : a case study on two microfinance institutions in Sri Lanka. 38(1), 51–61.

Jahiruddin, A.T.M., Short, P., Dressler, W. and Khan, M.A. (2011), “Can microcredit worsen poverty? Cases of exacerbated poverty in Bangladesh”, *Development in Practice*, Vol. 21 No. 8, pp. 1109-1121.

Kabeer, N. (1999), “Resources, agency, achievements: reflections on the measurement of women’s empowerment”, *Development and Change*, Vol. 30 No. 3, pp. 435-464.

Kabeer, N. (2001), “Reflections on the measurement of women’s empowerment”, *Discussing Women’s Empowerment: Theory and Practice*. Sida Studies 3, Novum Grafiska AB, Stockholm.

Kabeer, N. (2011), “Between affiliation and autonomy: navigating pathways of women’s empowerment and gender justice in rural Bangladesh”, *Development and Change*, Vol. 42 No. 2, pp. 499-528.

Kato, M. P., and Kratzer, J. (2013). Empowering women through microfinance: evidence from Tanzania. *Journal of Entrepreneurship Perspectives* 2(4), 31–59.

Khandker, S. R., (2005). Microfinance and poverty: Evidence using panel data from Bangladesh.” *World Bank Economic Review*, 19(2), 263–86.

Kim, J. C., Watts, C., Hargreaves, J. R., Ndhlovu, L. X., Phetla, G., Morison, L. A., et al. (2007). Understanding the impact of a microfinance-based intervention on women’s empowerment and the reduction of intimate partner violence in South Africa. *American Journal of Public Health*, 97(13), 1794–1802.

Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607-610.

Kumar, S.S. (2016), “Impact of microcredit dispensation on economic empowerment of women in Kerala”, *Journal of Rural Development*, Vol. 35 No. 1, pp. 39-49.

K Swapna (2017). Role of Microfinance in Women Empowerment. International Journal of Business Administration and Management. ISSN 2278-3660 Volume 7, Number 1.

Mahmood, S., Hussain, J., & Matlay, H. (2014). Optimal microfinance loan size and poverty reduction amongst female entrepreneurs in Pakistan. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, 21(2), 231-249.

Malathi S, Vijayarani K (2012) Microfinance and Women Empowerment in the Rural Areas of Cuddalore District of Tamil nadu. *Language in India* 12: 174 -182.

Malhotra, A. and Schuler, S.R. (2005), "Women's empowerment as a variable in international development", in Nalayan, D. (Ed.), *Measuring Empowerment: Cross-Disciplinary Perspectives*, World Bank, Washington, DC, pp. 71-88.

Mariyono, J. (2019). Micro-credit as catalyst for improving rural livelihoods through agribusiness sector in Indonesia. *Journal of Entrepreneurship in Emerging Economies*, 11(1), 98–121. <https://doi.org/10.1108/JEEE-06-2017-0046>.

Mohammad Mafizur Rahman, Rasheda Khanam, Son Nghiem, (2017) "The effects of microfinance on women's empowerment: new evidence from Bangladesh", *International Journal of Social Economics*, Vol. 44 Issue: 12, pp.1745-1757, <https://doi.org/10.1108/IJSE-02-2016-0070>.

Nazier, H., & Ramadan, R. (2018). What empowers Egyptian women: resources versus social constraints? *Review of Economics and Political Science*, 3(3/4), 153–175. <https://doi.org/10.1108/reps-10-2018-015>.

Nikkhah, H. A., Redzuan, M., & Abu-Samah, A. (2010). The Effect of Women's Socio-demographic Variables on their Empowerment. *Journal of American Science*, 6(11), 426–434.

Parameswaran, M. P. (2005). Empowering people. (1st ed.). Delhi: Daanish Books.

Pitt, M. M., & Khandker, S. R. (1998). The impact of group-based credit programs on poor households in Bangladesh: Does the gender of participant's matter? *Journal of Political Economy*, 106(5), 958-996.

Pitt, M. M., Khandker, S. R., Chowdhury, O. H., & Millimet, D. L. (2003). Credit Program for the Poor and the Health Status of Children in Rural Bangladesh. *International Economic Review*, 44(1), 958–996.

Pitt, M. M., Khandker, S. R., & Cartwright, J. (2006). Empowering Women with Micro Finance: Evidence from Bangladesh. *Economic Development and Cultural Change*, 54(4), 791–831.

Porter, M. (2016). Effects of Microcredit and Other Loans on Female Empowerment in Bangladesh: The Borrower's Gender Influences Intra-Household Resource Allocation. *Agricultural Economics*, 47(2), 235-245.

Rathiranee Yogendarajah University of Jaffna, Jaffna. A Study on Empowerment of Rural Women Through Microcredit Facilities in Sri Lanka. *Management Studies*, October 2015, Vol. 3, No. 9-10, 237-246 doi: 10.17265/2328-2185/2015.0910.002.

Rofikoh Rokhim, George Adam Sukoco Sikatan, Arief Wibisono Lubis, Mohammad Irwan Setyawan, (2016) "Does microcredit improve wellbeing? Evidence from Indonesia", Humanomics, Vol. 32 Issue: 3, pp.258-274, <https://doi.org/10.1108/H-04-2016-0037>

Ruchi Patel. Microfinance Model- A Dynamic Drive Towards the Women Empowerment. Proceeding of 8th International Scientific Forum, ISF 2017, 7-8 September 2017, UNCP, USA. doi: 10.19044/esj.2017.c1p23.

Schuler, S. R., Islam, F., & Rottach, E. (2010). Women's empowerment revisited: a case study from Bangladesh. *Development in Practice*, 20(7), 840–854.

Samman, E. and Santos, M.E. (2009), "Agency and empowerment: a review of concepts, indicators and empirical evidence", OPHI Research in Progress 10a, Oxford Poverty and Human Development Initiative, Oxford.

Samuel Salia, Javed Hussain, Ishmael Tingbani, Oluwaseun Kolade, (2018) "Is women empowerment a zero sum game? Unintended consequences of microfinance for women's empowerment in Ghana", International Journal of Entrepreneurial Behavior & Research, Vol. 24 Issue: 1, pp.273-289, <https://doi.org/10.1108/IJEBR-04-2017-0114>

Sarumathi, S., & Mohan, K. (2011). Role of Microfinance in Women's Empowerment (An Empirical Study in Pondicherry Region Rural SHG'S). *Journal of Management and Science*, 1(1), 1–10.

Shane, S., 2003. A General Theory of Entrepreneurship: The Individual–Opportunity Nexus. Elgar, Cheltenham, UK and Northampton, MA

Sipahutar, M.A., Oktaviani, R., Siregar, H. and Juanda, B. (2016), "Effects of credit on economic growth, unemployment and poverty", *Jurnal Ekonomi Pembangunan: Kajian Masalah Ekonomi dan Pembangunan*, Vol. 17 No. 1, pp. 37-49

Ssewamala, F., Ismayilova, L., McKay, M., Sperber, E., Bannon, W. Jr and Alicea, S. (2010), "Gender and the effects of an economic empowerment program on attitudes toward sexual risk-taking among AIDS-orphaned adolescent youth in Uganda", *Journal of Adolescent Health*, Vol. 46 No. 4, pp. 372-378.

Swain, R. B., & Wallentin, F. Y. (2007). Does microfinance empower women? Evidence from Self-Help Groups in India. *International Review of Applied Economics*, 23(5), 541–556.

Torri, M.C. and Martinez, A. (2014), "Women's empowerment and micro- entrepreneurship in India: constructing a new development paradigm?", *Progress in Development Studies*, Vol. 14 No. 1, pp. 31-4.

Van Rooyen, C., Stewart, R. and de Wet, T. (2012), "The impact of microfinance in Sub-Saharan Africa: a systematic review of the evidence", *World Development*, Vol. 40 No. 11, pp. 2249-2262.

Vinodhini, R. L., & Vaijayanthi, P. (2016). Self-help group and socio-economic empowerment of women in rural India. Indian Journal of Science and Technology, 9(27), 67-89.

Weber, H. (2002), "The implication of global development architecture: the example of microcredit", Review of International Studies, Vol. 28 No. 3, pp. 537-555.

Wellalage, N. and Locke, S. (2017), "Access to credit by SMEs in South Asia: do women entrepreneurs face discrimination", Research in International Business and Finance, Vol. 41, pp. 336-346, (no issue number).

World Bank (2012). World Development Report. Washington, DC. Available at <https://siteresources.worldbank.org/INTWDR2012/Resources/7778105-1299699968583/7786210-1315936222006/Complete-Report.pdf>.

Wood, G.D. (1997), "Breaking out of the ghetto: employment generation and credit for the poor", in Wood, G.D. and Sharif, I.A. (Eds), Who Needs Credit? Poverty and Finance in Bangladesh, University Press Limited, Dhaka, pp. 289-305.

Wye, C.-K., & Ismail, R. (2018). The Effects of Ability on Returns to Overeducation and Undereducation: Evidence from Malaysia. International Labour Review. doi:10.1111/ilr.12094

Zamalia Mahmud (2011). Handbook of Research Methodology A Simplified Version. Shah Alam: University Publication Centre (UPENA).

## REPORT

Asian Development Bank (2002). Finance for the Poor: Microfinance Development Strategy

## BOOKS

De Vaus, D. (2001). Research design in social research. Sage

Marican, S. (2005). Kaedah penyelidikan sains sosial. Prentice Hall/Pearson Malaysia.

## ONLINE

Selangorkini, 6 November 2015 Utusan Malaysia, Februari 2017



© 2019 IWB. All rights reserved.

Institut Wanita Berdaya (IWB) Selangor  
D3-6-1 First Floor, Dana 1 Commercial Centre  
Jalan PJU A1/46, 47301 Petaling Jaya, Selangor

[www.iwbselangor.org.my](http://www.iwbselangor.org.my)

Reg №: 1218559-P